

Devan tinggalkan Kelantan

MAZRAM IDZAM RIDZAL MAHMUD

RIBUT tiada, angin pun tiada. Tiba-tiba kem Kelantan dikejutkan berita peletakan jawatan ketua jurulatih mereka, K Devan sekali gus meletakkan pasukan itu dalam situasi sukar bagi mengharungi baki saingan Liga Malaysia (Liga-M) musim ini.

Jodoh Devan bersama Kelantan naya tidak panjang apabila pengendali berusia 54 tahun itu akhirnya melepaskan jawatan yang disandangnya sejak lima bulan lalu berkuat kuasa serta-merta, semalam.

Devan berkata, dia melepaskan jawatan ketua jurulatih skuad Pamoga

Qu Puteh The Red Warriors atas faktor peribadi, namun enggan mengulas lanjut berhubung tindakan mengejutnya itu.

"Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Presiden Kafa (Persatuan Bola Sepak Kelantan), Tan Sri Annuar Musa dan pengurusan persatu-



DEVAN

an itu kerana memberi peluang kepada saya melatih pasukan Kelantan pada musim ini.

"Saya juga ingin mengucapkan penghargaan kepada barisan kejurulatihan, pemain dan penyokong The Red Warriors di atas kerjasama diberikan. Selain itu, saya juga mengucapkan selamat maju jaya kepada pasukan ini untuk menghadapi saingan Liga

Super dan kempen Piala Malaysia nanti," katanya kepada *Sinar Harian* semalam.

Bekas jurulatih Negeri Sembilan itu dipilih oleh Kafa bagi mengantikannya pemangku jurulatih ketika itu, Zahasni Ismail, awal Disember tahun lalu, selepas pengurusan bola sepak Kelantan itu gagal membawa masuk dua nama besar iaitu V Sundramoorthy dan B Satiananthan.

Sepanjang mengendalikan pasukan Kelantan pada musim ini, Devan sekadar membawa skuad pantai timur itu mara ke pusingan ketiga kempen Piala FA sebelum ditunjukkan jalan keluar oleh Kedah.

Selain itu, bekas juara tiga piala musim 2012 itu turut menampilk-

kan prestasi tidak konsisten apabila sekadar menghuni tangga keenam dalam saingan Liga Super hasil tiga kemenangan, tiga seri dan empat kali tewas dalam 10 perlawanan.

Ketika ditanya sama ada keputusannya melepaskan kerusi panas dalam pasukan Kelantan itu mendapat restu daripada pengurusan tertinggi Kafa, Devan sekadar memberitahu sudah tiba masanya dia berbuat demikian.

"Saya dah letak jawatan, saya rasa sudah sampai masanya saya berbuat demikian.... Saya akan maklumkan (pelepasan jawatan itu) kepada Presiden Kafa, Tan Sri Annuar (Musa) sekejap lagi," katanya.

Kelab lain perlu contohi Harimau Selatan

KELAB bola sepak di negara ini perlu mencontohi Kelab Bola sepak Johor Darul Ta'zim (JDT), yang menetapkan satu tanda aras tinggi dalam segala aspek bagi mencapai kejayaan dan tidak menilai berdasarkan perasaan iri hati semata-mata, lapor NORSHIKIN MOHD SALLEH.

Pengarah Teknikal Persatuan Bola sepak Malaysia (FAM), Fritz Markus Schmid berkata, tidak semua kelab mempunyai sumber sama seperti JDT yang mempunyai struktur, falsafah dan pe-

laksanaan yang betul.

Menurutnya, Harimau Selatan sudah menetapkan satu tanda aras tinggi untuk diikuti kelab bola sepak di negara ini.

"Saya melawat Johor dua kali dan saya sangat tertarik struktur dan rangka kerja dilaksanakan JDT. Saya juga tertarik dengan usaha dijalankan.

"Kelab lain di Malaysia perlu mencontohi JDT dan menjadikannya sebagai satu cabaran," katanya dalam satu kenyataan yang dimuat naik di laman *Facebook Johor Southern Tigers*, semalam.

Menurutnya lagi, kelab lain tidak seharusnya melihat JDT sebagai pesaing tapi sebaliknya menganggapnya satu motivasi ke arah memantapkan kelab.

"Mereka tidak boleh hanya melihat JDT sebagai satu pesaing.

"Ini akan memberi manfaat kepada bola sepak Malaysia secara keseluruhan dan untuk bola sepak Malaysia terus melangkah jauh, semua pasukan perlu bergerak ke hadapan dan meningkatkan tahap sedia ada kepada yang lebih tinggi," katanya.

'Bukan tuah Selangor'

KEGAGALAN menyempurnakan peluang terhidang mengakibatkan Selangor dihukum tewas 0-1 kepada Tampines Rovers pada aksi akhir Kumpulan E saingan Piala AFC 2016 di Stadium Nasional, Singapura kelmarin.

DIARI SUKAN

PROGRAM KOMUNITI JUST PLAY

- Anjuran: Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM)
- Lokasi: Wisma FAM, Kelana Jaya
- Masa: 8.30 hingga 11.30 pagi
- Info: Terbuka kepada kanak-kanak lelaki, perempuan berusia empat hingga 12 tahun sihat tubuh badan. Butiran peserta seperti nama, umur, jantina, butiran penjaga dan nombor telefon serta emel boleh diemel kepada justplay@fam.org.my

Pengendali *The Red Giants*, Zainal Abidin Hassan yang akur dengan keputusan itu menyifatkan tuah tidak menyebelahi pasukannya.

"Tahniah kepada Tampines kerana berjaya mara ke pusingan seterusnya. Memang tuah tidak menyebelahi Selangor dan tidak berasas baik," katanya.

Dengan kekalahan itu Selangor sekadar menamatkan cabaran Piala AFC kali ini di tangga ketiga, sekali gus merelakan Tampines Rovers layak ke pusingan kedua selaku naib juara kumpulan di belakang kelab Filipina, Ceres FC.

Menurut Zainal, setelah dibolosi gol pendahuluan tuan rumah, Gergasi Merah berusaha mencari gol penyamanan, namun berdepan kesukaran untuk merobek gawang gol Tampines.

"Meskipun kami mempunyai beberapa peluang terbaik tapi tetap gagal mendapatkan gol."



Kapten Selangor, Shahrom Kalam mengasak pemain Tampines Rovers pada aksi terahir Kumpulan E, Piala AFC, kelmarin.

FOTO : FB Tampines Rovers Football Club

"Itu masalah yang kami hadapi malam itu," katanya.

Gol tunggal kemenangan Tampines dijaringkan menerusi sepakan lengcong me-

narik Yasir Hanapi ke penjuru gawang *Red Giants* minit ke-31 menewaskan Khairul Azhan Khalid pada babak pertama perlawanan.

Sekat perpindahan pemain, potong mata

PERSATUAN

Pemain-Pemain Bola Sepak Profesional Malaysia (PFAM) menggesa hukuman berat dikenakan terhadap Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Kelantan dan Felda United yang masih gagal melunaskan tunggakan gaji pemain setelah tempoh tiga bulan yang diberikan tamat semalam, lapor MUHAMMAD ZAKWAN NAZARALY

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Izham Ismail berkata, PFAM kecewa dengan pasukan terlibat yang tidak menunjukkan komitmen dalam menyelesaikan masalah tunggakan gaji.

"PFAM harap pihak Kerjasama Liabiliti Terhad Bola Sepak Malaysia (FMLP) segera ambil serius hal ini dan mula ambil tindakan atau pernali setimpal terhadap pasukan yang masih belum membuat bayaran selain dikenakan potongan mata dan sebagainya," katanya.

Mengulas lanjut, kata Izham, bagi kes tunggakan

Kelantan, PFAM berasa kecewa apabila Kelantan gagal patuhi jadual bayaran gaji dipersempataui kedua-dua pihak.

"Bagi kes tunggakan ATM pula, sehingga kini, PFAM masih tidak menerima sebarang makluman proses pembayaran yang ingin dibuat.

"Bagi kes Azrul Ahmad pula, PFAM amat kecewa apabila Jawatankuasa Rayuan Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM) masih tidak membuat keputusan berhubung rayuan Felda United," katanya.

Katanya, PFAM mengharapkan FAM serius dan membuktikan kredibilitinya sebagai sebuah badan neutral dalam menjaga hak dan kebijakan pemain seterusnya membuktikan badan induk bola sepak negara itu boleh dibanggakan dalam kancang bola sepak profesional negara.



IZHAM

MDKL bertindak pantas

Lakukan kerja pembersihan pokok tumbang di kawasan terjejas akibat hujan lebat, angin kencang

BANTING - Skuad Pantas Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL) melakukan kerja-kerja pemotongan dan pembersihan pokok tumbang akibat hujan lebat dan angin kencang di sekitar kawasan Bandar Saujana Putra kelmarin, yang menghalang laluan pengguna jalan raya.

Yang Dipertua MDKL, Mohd Azhar Mohamed Ali berkata, operasi berkenaan bermula pada jam 7.45 malam dan seramai empat anggota bertugas dikerahkan ke lokasi berkenaan bagi mengawal lalu-lintas dan melakukan kerja pemotongan serta pengalihan pokok tumbang.

"Kawasan yang terlibat termasuklah Jalan SP 7/14, Jalan SP

7/11 dan juga Jalan SP 7/9.

"Skuad Pantas ambil masa selama hampir lima jam bagi memastikan kawasan yang terjejas benar-benar selamat untuk dilalui pengguna jalan raya," katanya.

Menurutnya, kerja-kerja memotong serta mengalihkan pokok yang tumbang dibantu dengan peralatan dua mesin gergaji selain menggunakan khidmat sebuah pacuan empat roda Skuad Pantas MDKL.

"Beberapa kenderaan orang awam turut dihempap pokok menyebabkan anggota kita turut bantu selenggara kenderaan terjejas...nasib baik tiada siapa yang tercedera," katanya.



Seorang anggota Skuad Pantas bertungkus-lumus melakukan kerja-kerja pemotongan pokok, kelmarin.

Bantah penjualan minuman keras

SIJANGKANG - Persatuan Penduduk Taman Perwira di sini membantah penjualan minuman keras di sebuah pasar raya di kawasan itu.

Pengerusinya, Abu Bakar Abdullah berkata, beliau mewakili majoriti penduduk ahli kariah Taman Perwira memohon pihak pengurusan premis itu menghentikan penjualan minuman keras sebagai usaha mengelak masalah sosial berlaku di kawasan itu.

"Sebagai wakil penduduk di MPP Zon I, saya membuat bantahan ini atas rasa tanggungjawab sebagai orang Islam.

"Lagipun kita sedia maklum arak ini tak memberi manfaat malah keburukannya lebih banyak.



Sebahagian penduduk Taman Perwira dan kawasan sekitar yang hadir membuat bantahan secara aman di depan premis berkenaan, baru-baru ini.

"Saya percaya ramai kalangan bukan Muslim juga turut sama berpandangan seperti saya," kata dia yang memaklumkan wakil daripada bukan Muslim turut hadir memberi sokongan.

Sementara itu, Ahli Majlis Daerah Kuala Langat, Hairul

Nizam Toha berkata, sebagai umat Islam adalah menjadi kewajipan komuniti membantah jualan arak di kawasan majoriti penduduk beragama Islam.

"Bagi saya, perlu ada kesedaran kepada peniaga untuk melihat di mana kawasan mereka berniaga.

"Sensitiviti masyarakat setempat perlu diambil kira, jadi bila buat bantahan macam ni semua pihak perlulah peka.

"Pihak kami akan mengadakan pantauan terhadap premis berkenaan bagi mengawal penjualan minuman itu," katanya.

Pertandingan imbau nostalgia permainan layang-layang

TANJUNG SEPAT - Bagi mengangkat marabat permainan tradisional, Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung Persekutuan (JKKKP) Kampung Tanjung Sepat menganjurkan pertandingan layang-layang di

padang kampung berkenaan, semalam.

Ketua Umno Bahagian Sepang, Datuk Marsom Paing berkata, pertandingan itu mendapat sambutan menggalakkan apabila berjaya menerima 280 penyertaan.



Sebahagian peserta bergambar kenangan sebelum memulakan pertandingan.

Menurutnya, beliau mahu tradisi pertandingan itu diteruskan demi generasi pada masa hadapan.

"Kita faham pelbagai jenis permainan ber teknologi yang wujud kini, tapi jika masyarakat boleh anjur apa saja aktiviti melibatkan pelbagai permainan tradisional, saya yakin anak-anak muda akan turut serta," katanya yang turut hadir melihat pertandingan itu di Kampung Tanjung Sepat.

Sementara itu, seorang suri rumah, Hamidah Rosli, 36, berkata, dia memuji usaha pengajur mengadakan aktiviti seperti itu.

"Saya harap lepas ni ada aktiviti macam ni lagi di tempat kami. Anak saya umur empat tahun seronok dan teruja, sebab tak pernah tengok layang-layang macam mana."

"Pertandingan ni juga imbau nostalgia permainan tradisional yang saya main masa kecil dulu," katanya.

Kemas kini maklumat profil kampung

MORIB- Bengkel Sistem Profil Kampung Peringkat Nasional dan Kursus Microsoft Word dan Excel anjuran Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung Persekutuan Parlimen (JKKKP) yang diadakan di Pusat Internet 1Malaysia Kanchong Darat, kelmarin berjalan lancar.

Kursus membabitkan 10 kampung Dun Morib diadakan bertujuan menambah ilmu berkenaan teknologi komputer kepada penduduk selain dapat mengemas kini maklumat profil kampung.

Gotong-Royong Perdana hapus aedes

TELOK DATOK - Gotong-Royong Perdana di Taman Seri Telok Datok sempena Kempen Kesihatan Hapus Aedes Cegah Denggi Kawasan Telok Datok bakal diadakan, 21 Mei ini.

Program yang bakal dirasmikan Yang Dipertua MDKL, Mohd Azhar Mohamed Ali itu akan diadakan di Balai Raya Taman Seri Telok Datok bermula jam 7.30 pagi.

Pelbagai agensi terlibat termasuk Pejabat Kesihatan Daerah Kuala Langat, Pejabat Pelajaran Daerah Kuala Langat dan Giatmara Banting.

Jom meriahkan Hari Belia Negara

JUGRA - Orang ramai dijemput hadir memeriahkan Sambutan Hari Belia Negara Peringkat Negeri Selangor 2016 akan diadakan di Kolej Matrikulasi Selangor pada 21 hingga 22 Mei ini.

Majlis perasmian pula akan diadakan pada 22 Mei (Ahad) jam 10 pagi dan dijangka Timbalan Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi akan hadir merasmikan program tersebut.

Pelbagai pertandingan sukan, persembahan, demonstrasi, pameran dan gerai jualan turut diadakan.

Karnival Smart Selangor minggu ini

MORIB - Karnival Smart Selangor Peringkat Daerah Kuala Langat 2016 bakal diadakan pada 13 hingga 15 Mei ini bertempat di Dataran Pantai Morib Kuala Langat.

Pelbagai aktiviti menarik bakal diadakan seperti Segmen Lawak Santai, Jom Belajar Memanah dan beberapa artis terkenal seperti Aweera juga bakal membuat persembahan.

Orang ramai dijemput hadir bagi meriahkan acara.

HUBUNGI SKUAD LEMBAH KLANG:
SYAIRI SHAARI - 019-3310021, NUR FARHANA ABDUL MANAN - 019-6680275,
NORAFIZA JAAFAR - 019-6680258, HIDAYAH HAIRON - 019 - 6680261

KTM naik taraf struktur landasan

Projek KVDT akan dilaksanakan melibatkan empat fasa, bas ekspres transit akan disediakan di kawasan terjeas

RAWANG - Keretapi Tanah Melayu (KTM) Berhad bakal melaksanakan projek Peningkatan Infrastruktur Landasan Berkembar Lembah Klang (KVDT) hujung bulan ini.

Ketua Komunikasi Korporat KTM Berhad, Ridhwan Arshad berkata, projek sepanjang 40.3 kilometer bermula dari Rawang ke Salak Selatan itu akan dijalankan sebanyak empat fasa dan dijangka siap sepenuhnya pada 2019.

Menurutnya, fasa pertama projek akan bermula dari Rawang ke Stesen Kuang, diikuti Sungai Buloh, Kepong Sentral dan Segambut sehingga Simpang Batu melibatkan naik taraf dan pemuliharaan struktur landasan.

"Satu daripada dua laluan akan ditutup secara ber-

peringkat di mana kerja dimulakan dari Rawang ke Kuang diikuti Kuang ke Sungai Buloh dan seterusnya sehingga fasa pertama dianggarkan tempoh siapnya empat bulan.

"Penutupan satulaluan itu akan menyebabkan kelewatan antara 15 hingga 30 minit berbanding waktu asalnya," katanya ketika sesi penerangan projek, semalam.

Beliau berkata, bagi memudahkan pengguna, perkhidmatan bas ekspres transit akan disediakan di kawasan terjeas.

"Projek ini akan menyebabkan gangguan, tapi kesusahan sekarang adalah bagi memberikan keselesaan pada masa akan datang. KTMB telah mengusulkan penyediaan bas tambahan bagi melancarkan rutin pengguna merancang perjalanan," katanya.

Ridhwan berkata, naik tarafini penting bagi keselamatan

putusan SPAD (Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat). "Dianggarkan, 2,000 pengguna dari Rawang akan terganggu melalui naik taraf ini. Makluman awal akan diberikan kepada pengguna sejurus tarikh projek bermula bagi memudahkan pengguna merancang perjalanan," katanya.

Ridhwan berkata, naik tarafini penting bagi keselamatan



RIDHWAN



Pei Nei (lima, kanan) bersama pihak KTM dan wakil agensi selepas selesai sesi penerangan projek.

operasi tren dan pengguna.

"Dijangka penukaran landasan baharu mampu mempercepatkan masa antara 15 hingga 20 minit bagi setiap kekerapan. Aduan sepanjang projek dilaksanakan boleh dibuat melalui talian bebas tol bagi membolehkan pihak KTMB membaki ke-

lemahan dari semasa ke semasa," katanya.

Sementara itu, Adun Rawang, Gan Pei Nei berkata, pihaknya menyambut baik naik taraf kemudahan awam itu dan akan membantu dari segi hebat kepada orang awam khususnya di Rawang. Beberapa cadangan te-

lah diusulkan termasuk penyediaan bas tambahan bagi melancarkan rutin harian pengguna sepanjang projek dijalankan.

"Bas ekspres ke stesen KTM adalah langkah baik daripada bas tempatan yang ditetapkan laluannya," katanya.

Perlu dana RM300,000 naik taraf surau



Pembinaan Surau Jalan Haji Musran bagi menampung keperluan penduduk Rantau Panjang.

SHAH ALAM - Dana dan sumbangan orang ramai sebanyak RM300,000 diperlukan untuk pembinaan Surau Jalan Haji Musran Rantau Panjang, Klang, bagi menampung keperluan masyarakat Islam di kawasan perumahan tersebut.

Ahli Jawatankuasa surau, Saifudin Ismail berkata, jumlah jemaah yang bertambah setiap tahun menyebabkan surau berkenaan perlu dibesarkan.

"Kos pembinaan surau dianggarkan bernilai RM1 juta,

kami menerima sumbangan daripada individu dan syarikat korporat.

"Pembinaan kini sudah siap kira-kira 75 peratus. Surau yang dibina itu boleh memuatkan kira-kira 500 jemaah pada satu-satu masa," katanya.

Menurutnya, surau itu yang dibina dengan kayu pada 1975 mendapat kebenaran untuk dijadikan surau Jumaat sejak lima tahun lalu.

"Kami bercadang untuk besarkan lagi surau ini supaya lebih selesa agar jemaah ti-

dak melimpah ke jalan ketika bersolat, pembinaan telah dilaksanakan sejak tahun lepas, tapi sebab kekurangan dana pembinaannya tergendala," katanya.

Justeru, orang ramai yang ingin menghulurkan sumbangan boleh berbuat demikian dengan menyalurkan wang tunai ke akaun 120100100411991 (Bank Islam).

Sebarang keterangan lanjut boleh berhubung dengan Saifudin di talian 019-3799179.

CABARAN TANJUNG HARAPAN

Tarikh: 15 Mei 2016 Masa: 8.00pg - 1.00tgh Tempat: Tanjung Harapan, Pel Klang

RM43,000.00
RM10,000.00
RM5,000.00

4: RM1,000.00	21: RM200.00	36: RM150.00	51: RM150.00
5: RM600.00	22: RM200.00	37: RM150.00	52: RM150.00
6: RM400.00	23: RM200.00	38: RM150.00	53: RM150.00
7: RM400.00	24: RM200.00	39: RM150.00	54: RM150.00
8: RM400.00	25: RM200.00	40: RM150.00	55: RM150.00
9: RM400.00	26: RM200.00	41: RM150.00	56: RM150.00
10: RM400.00	27: RM200.00	42: RM150.00	57: RM150.00
11: RM300.00	28: RM200.00	43: RM150.00	58: RM150.00
12: RM300.00	29: RM200.00	44: RM150.00	59: RM150.00
13: RM300.00	30: RM200.00	45: RM150.00	60: RM150.00
14: RM300.00	31: RM150.00	46: RM150.00	61: RM150.00
15: RM300.00	32: RM150.00	47: RM150.00	62: RM150.00
16: RM300.00	33: RM150.00	48: RM150.00	63: RM150.00
17: RM300.00	34: RM150.00	49: RM150.00	64: RM150.00
18: RM300.00	35: RM150.00	50: RM150.00	65: RM150.00

ANJURAN
WAKAJALLI EVENT MANAGEMENT
www.wakajall.com
dengan kerjasama



500 tshirt
microfibre
RM100/joran
Sapu Bersih

CABUTAN BERTUAH

32"

4 unit Penn Sentinel SE450SW

32"

10 hamper

10 cooler jug Coleman 7 liter

TEL: 012-2141401, 012-6823479, 013-3588206, 013-3838655

Umno senarai tujuh nama berpotensi

SUNGAI BESAR - Umno Bahagian Sungai Besar mengakui menyenaraikan tujuh nama calon berpotensi untuk bertanding bagi kerusi Parlimen Sungai Besar.

Ketua Umno Bahagian Sungai Besar, Datuk Jamal Md Yunos berkata, tujuh nama calon BN itu dipersetujui sebulat suara dalam mesyuarat pengurusan dan mesyuarat Umno bahagian berkenaan.

"Kami mempunyai senarai tujuh calon untuk bertanding di Parlimen dan lima calon masing-masing Dun Sungai Panjang dan Sekinchan yang sepatutnya diletakkan dalam PRU14, namun kami jangka berlaku PRK dalam waktu terdekat ini," kata dia.

Menurutnya, ketujuh-tujuh calon yang disenaraikan adalah 'winnable candidate' mempunyai pengaruh dan dihormati dalam kalangan masyarakat serta berkredibiliti tinggi.

Bagaimanapun katanya, keputusan meletakkan siapa calon untuk bertanding di kerusi itu diserahkan sepenuhnya kepada Presiden Parti, Datuk Seri Najib Tun Razak.

"Saya tiada sebarang masalah siapa pun yang dipilih. Kami akan sokong tanpa berbelah bahagi dan tidak akan memberikan sebarang tekanan kepada pucuk pimpinan untuk memilih calon yang sesuai."

"Sebagai ahli parti, saya nasihatkan diri dan rakan lain supaya bersedia dan berlapang dada dengan hati terbuka terhadap apa jua keputusan pimpinan parti sebab mereka mempunyai pandangan yang luas serta mengambil kira semua faktor berbanding kami pemimpin se-tempat," katanya.

PRK Sungai Besar: BN dijangka kalah teruk

■ HAFIZDZULLAH HASSAN

SHAH ALAM - BN mungkin kalah teruk dalam Pilihan Raya Kecil (PRK) Sungai Besar.

Pensyarah Kanan Hal Ehwal Politik dan Antarabangsa, Universiti Utara Malaysia (UUM), Md Shukri Shuib yang mengandaikan demikian berkata, kebarangkalian itu sukar dinafikan berdasarkan pada situasi semasa dan juga isu-isu di Selangor.

"Saya menjangkakan calon daripada Amanah (Parti Amanah Negara) akan diletakkan untuk berdepan dengan calon BN. Calon ini akan mewakili Pakatan Harapan dan pertembungan ini nanti akan dilihat sebagai pertembungan antara kerajaan negeri dengan kerajaan Pusat," katanya.

Beliau berkata, meskipun Amanah masih baharu dan kawasan itu pula dilihat kawasan yang didominasi oleh Pas sebagai parti pembangkang yang terkuat, pakatan pembangkang dilihat lebih cenderung untuk meletakkan calon

daripada Amanah.

"Pas kini bukan lagi anggota pakatan meskipun Sungai Besar kubu kuat parti itu. Jika Amanah bertanding, saya andaikan Pakatan Harapan akan lebih mendokong parti berkenaan berbanding Pas."

"Pas mungkin akan berhadapan dengan pertembungan hebat daripada Pakatan Harapan terutama Amanah yang ramai melihat sebagai proksi DAP," katanya.

Beliau berkata, faktor kerjasama antara Tun Dr Mahathir Mohamad dengan Pakatan Harapan menerusi Deklarasi Rakyat juga menambah lagi kebarangkalian kekalahan BN di kerusi berkenaan.

"Pakatan Harapan (dijangka) akan cuba meminggirkkan Pas dalam pakatan dan bekerjasama dengan Tun Mahathir bagi menewaskan BN."

"Kerjasama mereka itu dijangka akan



MD SHUKRI

lebih mengganas menjelang PRK di Sungai Besar nanti," katanya.

Md Shukri berkata, BN perlu ketengahkan calon berwibawa dan dihormati ramai untuk merealisasikan peluang mereka.

"Soal populariti calon dan kewibawaan penting pada PRK kali ini."

"Jangan hanya ambil kira soal jawatan dalam Umno bagi seseorang calon tapi fokus pada soal calon kerana ia akan menjadi faktor yang menambat hati penduduk atau pun tidak," katanya.

Pada PRU13, wakil BN, Datuk Noriah Kasnon menewaskan calon Pas, Mohamed Salleh M. Husin dengan majoriti 399 undi.

Noriah, yang meninggal dalam tragedi helikopter 5 Mei lalu, juga memenangi kerusi itu pada PRU 2004 dan 2008.

Serah pada pusat buat pilihan

IPOH - Jawatankuasa Khas Umno Bahagian Kuala Kangsar yang bermesyuarat hampir dua jam, petang semalam tidak membincangkan langsung soal senarai calon untuk pilihan raya kecil (PRK) Parlimen Kuala Kangsar.

Pemangku Ketua Bahagiannya, Mohamad Kamil Shafie berkata, mereka membuat keputusan tidak mencari 'winnable candidate' kerana menaruh keyakinan pada pucuk pimpinan pusat bagi menentukan siapa yang layak meneruskan

legasi Allahyarham Datuk Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad.

"Sesiapa sahaja calon yang diputuskan oleh pucuk pimpinan kita akan terima dan akan pastikan calon itu mencapai kemenangan, kita nak pastikan Parlimen Kuala Kangsar menang dengan majoriti besar," katanya dalam satu sidang media, di sini, semalam.

Ditanya mengapa Umno Kuala Kangsar tidak menonjolkan calon, Mohamad Kamil berkata, terdapat

calon-calon yang berkeupayaan dan berkebolehan tetapi keputusan dibuat untuk tidak mahu menonjolkan individu tertentu kerana pucuk pimpinan akan membuat pemilihan yang terbaik dan tepat.

"Kita juga menaruh keyakinan bakal calon yang dipilih oleh pucuk pimpinan adalah seorang yang boleh diterima rakyat kawasan tersebut malah jentera Dun Manong dan Dun Bukit Chandan sudah bersedia untuk menerima keputusan dari pucuk pimpinan parti."

"Umno Kuala Kangsar menerima sesiapa saja sama ada anak tempatan atau luar kerana Kuala Kangsar sudah lama menerima orang luar namun diharapkan calon ini mampu bekerja seperti dilakukan Wan Mohammad Khair-il Anuar," katanya.

Menurut Mohamad Kamil lagi, Kuala Kangsar juga tidak membuat apa-apa garis panduan dalam mententukan calon yang sesuai bagi kerusi itu kerana yakin pihak tertinggi parti mendapat cukup punca maklumat untuk membuat penilaian dan keputusan terbaik.

"Mesyuarat ini kita melahirkan rasa sedih dengan kehilangan individu yang dianggap sebagai abang dan keseluruhan jawatankuasa menyatakan solidiriti terhadap kepimpinan Najib," katanya.



Mohamad Kamil (duduk, tiga kiri) bersama barisan Jawatankuasa Khas Umno Bahagian Kuala Kangsar yang bermesyuarat semalam.

'Parti lain bebas letak calon'

SHAH ALAM -

"Terpulang kepada Amanah atau manama parti untuk meletakkan calon dalam Pilihan Raya Kecil (PRK) Sungai Besar nanti," demikian kata Timbalan Pesuruhjaya Pas Selangor, Datuk Dr Ahmad Yunus Hairi.

Katanya, parti lain bebas untuk meletakkan calon kerana Pas mengamalkan prinsip demokrasi dalam berpolitik.

"Kena ada satu pemikiran, apa tujuan kita berpolitik dan mengapa bertanding di dalam pilihan raya. Strategi kami adalah untuk membangunkan masyarakat," katanya.

Bagaimanapun, beliau berkata, Pas belum buat pemilihan calon seuntuk PRK tersebut.

"Belum lagi. Malam tadi ada buat mesyuarat peringkat negeri. Kami ada melihat dan melakukan perbincangan tentang perkara tersebut. Kami perlu juga ambil kira pandangan daripada ahli kawasan itu sendiri."

"Begini juga dengan pendirian Pas peringkat kawasan Sungai Besar. Namun, semua bergantung kepada keputusan Pas Pusat kerana kami adalah medium untuk menyampaikan



AHMAD YUNUS

kan hasrat peringkat bawah kepada Pas Pusat," katanya.

Selain itu katanya, Pas juga belum membuat keputusan mengenai tawaran PKR untuk menyertai Pakatan Harapan bagi menghadapi PRU akan datang.

"Masih belum ada keputusan di peringkat Pas Pusat. Khamis ini akan ada mesyuarat peringkat pusat," katanya.

Baru-baru ini, dilaporkan Pas menolak tawaran PKR agar ia menyertai Pakatan Harapan di samping DAP dan Parti Amanah Negara (Amanah) bagi menghadapi PRU14.

Naib Presiden Pas, Datuk Mohd Amar Nik Abdullah berkata, sebaliknya Pas lebih berminat jika PKR dapat menyertai blok ketiga yang ditubuhkan Pas bersama Parti Ikatan Bangsa Malaysia (Ikatan).

"Kalau tanya saya, saya suka nak ajak PKR untuk serta Pas dalam blok ketiga. Tapi setakat ini kita tiada perbincangan lagi ke arah itu."

"Kita juga belum bincangkan secara rasmi mengenai tawaran (Timbalan Presiden PKR) Mohamed Azmin (Ali)," katanya.

Pas hanya mahu jumpa PKR

Parti Islam itu tidak merancang untuk berbincang dengan Amanah mengenai isu calon PRK

■ SITI ZUBAIDAH MAT ISA

SHAH ALAM - Pas hanya akan berunding dengan PKR bagi memutuskan soal calon yang bakal bertanding pada Pilihan Raya Kecil



MUSTAFA

(PRK) Parlimen Sungai Besar dan Kuala Kangsar.

Ini bermakna, parti itu menolak sebarang perundingan dengan Pakatan Harapan walaupun Parti Amanah Negara (Amanah) dilapor telah menyatakan kesudian untuk berbincang dengan Pas bagi mengelak pertembungan sesama parti pembangkang.

Ketua Pengarah Pilihan Raya Pas, Datuk Mustafa Ali berkata, perbincangan bersama PKR akan dilakukan dalam tempoh terdekat.

"Kita ada hubungan dengan PKR, jadi rundingan hanya akan dibuat

dengan PKR sahaja. Amanah tidak perlulah (berunding) kerana kita tidak mempunyai hubungan dengan mereka. Kita juga tidak merancang untuk berbincang dengan mereka," katanya.

Pas bagaimanapun tiada halangan sekiranya Amanah membuat keputusan meletakkan calon mereka di dua pilihan raya itu.

"Malaysia negara demokrasi dan bebas, sesiapapun boleh meletakkan calon mereka. Namun, sebaik-baiknya, biarlah satu lawan satu," katanya.

Pas sebelum ini membuat keputusan untuk bertanding di dua kawasan Parlimen Sungai Besar, dan Kuala Kangsar, berikutnya kematiannya dua ahli Parlimen berkenaan dalam naib helikopter

di Sarawak 5 Mei lalu.

Parlimen Sungai Besar sebelum ini diwakili Timbalan Menteri Perusahaan Perlindungan dan Komoditi, Datuk Noriah Kasnon, manakala Parlimen Kuala Kangsar diwakili Datuk Wan Mohammad Khairil Anuar Wan Ahmad, kedua-duanya daripada BN.

Kedua-dua mereka antara yang terbunuh dalam tragedi helikopter terhempas ketika penerbangan dari Betong ke Kuching, Sarawak.

Turut terbunuh, suami Noriah, Asmuni Abdullah; Ketua Setiausaha Kementerian Perusahaan Perlindungan dan Komoditi, Datuk Dr Sundaran Annamalai; pengawal peribadi Noriah, Ahmad Sobri Harun dan juruterbang, Kapten Rudolf Rex Ragas.

Elak pertembungan parti pembangkang

ALOR SETAR - Pas dan Parti Amanah Negara (Amanah) perlu duduk berbincang bagi memastikan hanya wujud satu lawan satu pada Pilihan Raya Kecil (PRK) Parlimen Kuala Kangsar dan Sungai Besar.

Ahli Parlimen Pokok Sena, Datuk Mahfuz Omar berkata, kedua-dua parti itu perlu elak pertembungan sesama mereka seperti berlaku di PRN Sarawak.

Menurutnya, dua PRK ini menarik kerana kedua-dua kerusi itu dimenangi BN dengan majoriti kecil iaitu Sungai Besar dengan 399 undi dan Kuala Kangsar 1,082 undi.

"Hikmah di Sarawak akan kembalikan parti pembangkang kepada penyatu dalam satu pakatan demi rakyat dan negara," katanya kepada *Sinar Harian*.

Mahfuz berkata, cabaran pertama selepas PRN Sarawak ialah parti pembangkang perlu memperbaiki hubungan sesama mereka dan merealisasi hasrat rakyat untuk memberi isyarat jelas kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak melepaskan jawatan.

"Jika ini boleh dilakukan dengan berlapang dada dan berjiwa besar, saya percaya harapan rakyat akan tercapai."

"Saya harap Amanah dan Pas berbincang untuk mencari kata sepakat mengelak pertembungan sesama sendiri. Tidaklah menjatuhkan maruah pimpinan Amanah atau Pas jika mereka pertimbangkan cadangan ini dengan masing-masing bertanding satu kerusi sahaja," katanya.

Bagaimanapun, katanya, terpulang kepada perbincangan kedua-dua pihak untuk menentukan kerusi pilihan.

Semua parti pembangkang perlu bersatu hadapi BN

ALOR SETAR - Semua parti pembangkang termasuk Pas dan Parti Amanah Negara (Amanah) perlu bersatu menghadapi BN pada Pilihan Raya Kecil (PRK) Parlimen Kuala Kangsar dan Parlimen Sungai Besar.

Presiden Pasma, Datuk Ir Phahrolrazi Zawawi berkata, ia perlu bagi mengelakkan berlaku pertandingan tiga penjurut yang akhirnya menguntungkan BN dan merugikan pembangkang akibat perpecahan undi.

"Kalau berlaku tiga penjurut, kebiasaannya memihak kepada BN. Bagaimanapun, Amanah adalah komponen dalam Pakatan Harapan tetapi

kerusi Kuala Kangsar dan Sungai Besar pada asalnya ditandingi Pas pada PRU13.

"Itu pada dasarnya tapi Pas tidak menyertai Pakatan Harapan dan Amanah bertindak sebagai parti yang menggantikan Pas dalam gabungan itu. Walaupun Pas yang bertanding sebelum ini tapi sekarang Amanah yang patut tanding kerusi itu," katanya.

Menurutnya, perkara itu mengikut dasar dibuat pembangkang sebelum ini dan bukan keputusan baharu oleh Pakatan Harapan.

"Tapi keputusan Amanah tanding atau tak di kerusi itu bergantung kepada keputusan

Pakatan Harapan. Sedangkan Pas tak ada dalam gabungan ini. Sebenarnya keputusan hendaklah dibuat antara Pakatan Harapan dan Pas.

"Amanah tak boleh buat keputusan sendiri. Kalau Pas nak bersama Pakatan Harapan ia masih terbuka. Baru-baru ini pun Timbalan Presiden PKR, Datuk Seri Mohamad Azmin Ali pelawa Pas duduk bersama pembangkang," katanya.

Phahrolrazi berkata, Pas perlu menerima setiap dasar yang dibuat Pakatan Harapan jika ingin menyertai gabungan itu yang kini disertai Amanah, PKR dan DAP.

Calon: PKR sedia bincang dengan Pas

PETALING JAYA - PKR bersedia berbincang dengan Pas untuk menentukan calon Pilihan Raya Kecil (PRK) Parlimen Sungai Besar dan Parlimen Kuala Kangsar tanpa mengetepikan parti komponen mereka dalam Pakatan Harapan.

Presiden PKR, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail berkata, PKR tidak mempunyai sebarang masalah andai Pas mahu berunding dengan parti itu sahaja.

Namun katanya, PKR akan mengambil kira pertimbangan bersama dengan parti komponen Pakatan Harapan iaitu DAP dan Parti Amanah Negara (Amanah).



DR WAN AZIZAH

"Kita ambil senario sebelum ini di mana Parlimen Sungai Besar, BN menang menentang Pas dengan majoriti yang tipis. Ini fakta dalam

Pakatan Rakyat. Jadi mereka (Pas) sudah mengeluarkan kenyataan bahawa mereka akan bertanding.

"Kami juga ada pertimbangan kamisendiri dalam Pakatan Harapan dan kita akan bincang bagi memastikan rakyat memperoleh kebaikan," katanya di sini, semalam.

Wan Azizah berkata, perbincangan akan terus dilakukan bersama Pas terutamanya membabitkan PRK Sungai Besar.

"Seperti saya katakan, Kerajaan Selangor ada Pas, PKR, DAP dan Amanah. Perbincangan dengan Pas sedang dan sudah bermula malah ada cakap-cakap (perbincangan)

biasa yang tidak formal," katanya.

Ditanya adakah Pakatan Harapan membincangkan calon untuk dua PRK tersebut dalam Mesyuarat Presiden Pakatan Harapan semalam, Wan Azizah berkata, ia tidak termasuk dalam perbincangan.

Dalam pada itu, katanya, PRK Sungai Besar dan Kuala Kangsar merupakan satu cabaran besar kerana akan berdepan dengan jentera yang kuat daripada BN.

Pada PRU lalu, calon Pas tewas kepada calon BN dengan majoriti 399 undi di Sungai Besar. Pas juga tewas kepada BN di Kuala Kangsar dengan perbezaan undian 1,082.

EK ELEH



• PENGARAH URUSAN KUMPULAN/CEO/PENERBIT: DATO' (DR) HUSSAMUDDIN HJ YAACUB • KETUA PEGAWAI OPERASI KUMPULAN: SYAMIL FAHIM MOHD FAHIM • KETUA PEGAWAI KEWANGAN: AKMAL EIFAN MOHD FAUZI
• PENASIHAT EKSEKUTIF EDITORIAL: DATUK ABD JALIL ALI • KETUA PENGARANG KUMPULAN: NORDEN MOHAMED • PENGARANG BERITA: AZMI TARMIZI
• TIMBALAN PENGARANG BERITA: FARUSH KHAN & MUHAMAD MAT YAKIM • PENGURUS BESAR PENGEDARAN: HASLI MAT SOH

EDITOR EDISI NASIONAL: KHAIRUL AMRI YASIN • EDISI SELANGOR/KL: MOHD HANAFIAH HASHIM • EDISI KELANTAN: WAN SURYANA TON MOHAMAD • EDISI PAHANG: NAJWA GHAZALI • EDISI TERENGGANU: ZULKHAIRIL ZAINUDDIN
• EDISI UTARA: BADRULDIN ZAKARIA • EDISI PERAK: WAN NOR ROSIDA HAMAD • EDISI JOHOR: AZWANI GHANI • EDISI MELAKA/NS: AHMAD SYAHRUL DERAUH • EDITOR TERJEMAHAN: ONG BOON TECK

• Diterbitkan oleh Sinar Karangkraf Sdn Bhd, No.3, Jln Renggam 15/5, Seksyen 15, 40200 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan. Tel: 03-51013888 Faks: 03-51013601 • Dicetak oleh Ultimate Print Sdn Bhd., Lot 2, Jln Sepana 15/3, Off Persiaran Selangor, Seksyen 15, 40200 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan. Tel: 03-51013888 Faks: 03-51013608 • Tel: 03-51017480 (Unit Langganan Karangkraf Mall) • E-mel: editorsh@sinarharian.com.my

Headline	Idam sebuah rumah selesa buat keluarga		
MediaTitle	Utusan Malaysia	Color	Full Color
Date	12 May 2016	Circulation	171,663
Section	Mega	Readership	563,000
Page No	8,9	ArticleSize	1161 cm ²
Language	Malay	AdValue	RM 23,157
Journalist	SITIAIRUNNISA ALAUI	PR Value	RM 69,471
Frequency	Daily		



mode



kisah masyarakat

Oleh SITIAIRUNNISA ALAUI
airunnisa.alau@utusan.com.my

KEHIDUPAN yang bahagia dan terentam tidak hanya bergantung kepada saiz rumah yang diduduki, namun cukuplah sekadar rumah itu dapat memberi keselesaan dan melindungi seluruh ahli keluarga daripada segala ancaman sama ada haiwan atau manusia.

Siapa yang tidak inginkan sebuah rumah yang selesa untuk diduduki bersama keluarga tercinta, namun ada kalanya impian yang dihasratkan tidak mudah diperoleh jika tiada faktor kewangan yang kukuh serta kudrat tidak kuat lagi.

Pun begitu, sebagai ketua keluarga, **Md. Daud Mahadi**, 67, tidak pernah berputus asa mahu menyediakan sebuah rumah buat keluarganya di atas tanah pusaka yang terletak di Batu 25, Kemus, Simpang Empat, Alor Gajah, Melaka.

Ketika ini, sebahagian rumah pusaka yang diduduki warga emas itu bersama isterinya, Loyah Mansur, 64, dan seorang anaknya, Syawal Nizam, 34, kelihatan amat usang akibat dimakan anai-anai dengan hampir keseluruhan atap rumah berkenaan bocor dan tiris setiap kali hujan melanda.

Malah, hampir kebanyakan lantai kayu rumah lama Melaka itu reput dimakan anai-anai dan sebahagian tingkap sudah tanggal, selain ruang beranda menjadi tempat ayam bertelur kerana keadaannya yang tidak terurus.

Ketika menemui warga emas itu baru-baru ini, dia tidak henti-henti melahirkan keinginan memiliki sebuah



KEADAAN rumah Md. Daud Mahadi di Kampung Kemus, Simpang Empat, Alor Gajah, Melaka, yang daif dan tidak terurus.

Idam sebuah rumah selesa buat keluarga

Hidap sakit jantung, halang Md. Daud penuhi impian

rumah yang selesa buat keluarganya dan berharap ada individu sudi membantunya membaikpulih rumah berusia lebih 40 tahun itu.

Ketika menemui lelaki itu baru-baru ini, pada mata kasar, Md. Daud kelihatan sihat tetapi sebenarnya sejak beberapa tahun lalu dia menghidap masalah jantung, manakala isterinya menghidap asma kronik.

Pun begitu, dia mempunyai semangat yang kuat apabila dalam keadaan kesihatan yang tidak begitu mengizinkan tetap berusaha menternak ayam dan itik bagi menampung kehidupan.

Sebelum ini katanya, dia turut menternak kambing tetapi terpaksa menghentikannya disebabkan masalah kesihatan dan faktor usia semakin lanjut.

"Saya sering diserang sakit jantung dan setiap kali penyakit itu datang, saya seolah-olah malu rebah dan mata mulai jadi berpinar-pinar, sebab itu saya tidak boleh buat kerja berat."

"Saya bela ayam dan itik ini untuk buat tambah pendapatan keluarga. Ketika ini, isteri saya mengambil upah di sebuah kilang

telur manakala anak saya bekerja di sebuah kedai makan.

"Pendapatan tidak menentu kerana isteri bukanlah bekerja tetapi manakala anak lelaki saya itu mengalami masalah lambat berpikir dan hanya tahu buat kerja tertentu sahaja."

"Kami sekeluarga tidak cukup wang untuk makan apatah lagi mahu membaiki rumah usang ini," katanya yang memaklumkan rumah berkenaan mula rosak teruk sejak

lima tahun lalu.

Jelas Md. Daud, dia lebih selesa tidur di luar rumah kerana keadaan ruang kecil yang ada hanya mampu menempatkan ruang dapur, sebuah bilik tidur dan bilik air yang kurang selesa untuk melepaskan relahan seharian.

Biarpun risau akan bahaya haiwan berbisa seperti ular dan lipan jika tidur di luar rumah, ujar lelaki itu, dia tiada pilihan lain kerana mahu anak dan isterinya lebih selesa dan selamat.

"Setiap kali hujan, ruang dapur dan ruang tamu seperti banjir kerana zink bocor di merata tempat sehingga tidak cukup bekas untuk menahan air hujan. Biasanya kalau hujan pada waktu tengah malam, saya tidak akan tidur langsung kerana perlulah menadah dan



RUMAH Md. Daud Mahadi yang semakin usang mendapat perhatian Jabatan Kebajikan Masyarakat Melaka melalui bantuan Program Khidmat Bantu di Rumah (Home Help Services).

Headline	Idam sebuah rumah selesa buat keluarga		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	12 May 2016	Color	Full Color
Section	Mega	Circulation	171,663
Page No	8,9	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	1161 cm ²
Journalist	SITIAIRUNNISA ALAUI	AdValue	RM 23,157
Frequency	Daily	PR Value	RM 69,471



membuang air yang ditadah, jika tidak rumah akan dipenuhi air," jelasnya.

Dalam kebimbangan tentang keadaan rumahnya itu, warga emas berkenaan turut melahirkan ucapan terima kasih kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) yang turut membantu membaik pulih rumah berkenaan seperti membaiki sebahagian atap zink yang bocor, memasang tikar getah baru serta mengecat bahagian tangga batu dan dinding papan rumahnya.

Ini kerana, Md. Daud merupakan antara penerima bantuan jabatan itu serta terlibat dalam Program Khidmat Bantu di Rumah (*Home Help Services*) yang merupakan satu program khidmat sokongan kepada warga emas terutama bagi mereka yang tinggal bersendirian.

Melalui program berkenaan, terdapat sukarelawan yang ditugaskan untuk membantu warga emas yang memerlukan pertolongan di mana sukarelawan tersebut telah dilatih melaksanakan tugas berdasarkan konsep dan prinsip kesukarelawan sama ada dalam bentuk bantuan fizikal dan emosional seperti memberi sokongan moral serta menggerakkan peranan masyarakat sekililing untuk membantu golongan berkenaan.

Tambahnya, dia bersyukur kerana tersenari di bawah program berkenaan yang sedikit sebanyak membantu mengurangkan kerja-kerja mengemas rumah berkenaan selepas bocor teruk akibat hujan lebat baru-baru ini.

Ketika ini, Md. Daud merupakan penerima bantuan JKM sebanyak RM300 setiap bulan, bagi yang ingin menyumbang boleh salurkan bantuan ke akaun Maybank Md. Daud di nombor 154044872016.



Headline	Tidak abai asnaf di Selangor		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	12 May 2016	Color	Full Color
Section	Mega	Circulation	171,663
Page No	4	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	788 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 15,717
Frequency	Daily	PR Value	RM 47,151



Tidak abai asnaf di Selangor

Keperluan, kebajikan terus diberi perhatian

Oleh MOHD. SHAH CHE AHMAD
agama@utusan.com.my

MENGAPA perlu bantu orang luar, sedangkan masih terdapat ramai asnaf dan golongan memerlukan di Selangor?" Pastinya itulah persoalan pertama yang akan diutarakan terutamanya pembayar zakat di Selangor apabila mendapat tahu hasil kutipan zakat negeri itu disalurkan ke negeri lain.

Ditambah dengan statistik jumlah asnaf di negeri yang memperoleh antara kutipan zakat terbesar di Malaysia itu menunjukkan peningkatan saban tahun membuatkan isu tersebut semakin hangat daripada menjadi peritaikan ramai.

Perkara itu sedikit sebanyak mempengaruhi jumlah kutipan zakat apabila kepercayaan pembayar semakin berkurangan terhadap organisasi yang bertanggungjawab mengendali kutipan dan agihan zakat.



HUSSIN MOHD. ALI



SETIAP penerima diberikan sebuah rumah berserta 0.46 hektar tanah untuk projek penanaman cili.

Akhirnya, kecawa dengan situasi yang berlaku, orang ramai tanpa usul periksa mengambil keputusan untuk mengagihkan sendiri zakat kepada asnaf dikenal pasti kerana dianggap lebih telus dan memberi manfaat terus kepada penerima.

Mengulas kekeliruan tersebut, Ketua Pegawai Eksekutif, Lembaga Zakat Selangor (Zakat Selangor) Hussin Mohd. Ali berkata, pihaknya sentiasa mengambil berat dan berusaha menjalankan tanggungjawab membantu golongan asnaf

di Selangor.

Ini menerusi pelbagai skim bantuan dan kemudahan yang ditawarkan termasuk untuk proses pembayaran dan permohonan di negeri itu dari semasa ke semasa.

"Dana diperuntukkan ini merupakan inisiatif Zakat Selangor menerusi Projek Selangor Prihatin bagi berkongsi kutipan zakat yang diperoleh di Selangor kepada negeri kurang sumber zakatnya."

"Mempunyai tujuan sama iaitu membantu golongan asnaf terutamanya

SEBANYAK RM8.3 juta diperuntukkan daripada dana kutipan Zakat Selangor untuk membangunkan penempatan Desa Alam Shah yang berkeluasan 17.02 hektar di Kelantan.

fakir dan miskin, dana yang disalurkan ke luar negeri ini bukan bermakna kita mengabaikan asnaf di Selangor, tetapi untuk berkongsi hasil zakat agar dapat dirasai bersama.

"Selain pembinaan penempatan berkongsi sama di Perlis pada 2013 dan projek ini di Kelantan, kita juga telah merancang untuk memperluas bantuan seperti ini ke negeri-negeri lain termasuk di Selangor. Buat masa ini kita memberi fokus projek di Kelantan ini dahulu," katanya.

FOKUS GENERASI KEDUA

Bersifat bantuan jangka masa panjang, sumbangan yang diberi bukan sahaja memfokuskan kepada penerima, tetapi latihan pembangunan modal insan yang disediakan sepanjang berada di penempatan tersebut turut menyasarkan generasi kedua penerima generasi kedua penerima.

Hussin berkata, ini bagi mengelakkan anak-anak asnaf penerima daripada terus hidup dalam kemiskinan dengan mewarisi keluarga sebagai asnaf.

"Apa yang kita harapkan adalah tempoh lima tahun yang diberikan ini dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh setiap penerima agar berupaya merubah nasib keluar daripada asnaf. Tidak terhenti kepada penerima, bantuan juga menyasarkan generasi kedua penerima iaitu anak-anak asnaf untuk berubah."

"Kejayaan ini terbukti apabila pemerhatian yang kita lakukan di Taman Desa Ansaf, Perlis mendapat lebih 70 peratus penghuni di penempatan itu solat berjemaah pada solat Subuh berbanding hanya segelintir pada peringkat awal," ujarnya.

Memilih penanaman cili sebagai sumber pendapatan utama, Hussin menjelaskan, keputusan itu dibuat setelah mengambil kira peluang pendapatan, jenis tanah dan kesesuaian projek pertanian di kawasan tersebut.

"Seperti yang kita tahu, Pasir Putih terkenal dengan projek penanaman cili yang menghasilkan kualiti antara terbaik di negara ini, malah bertepatan dengan standard ditetapkan Nestle selaku pembeli utama untuk menghasilkan sos," katanya.



Headline	100 penduduk berang dakwa ditipu kerajaan PKR Selangor		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	12 May 2016	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	171,663
Page No	28	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	375 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 7,412
Frequency	Daily	PR Value	RM 22,235



100 penduduk berang dakwa ditipu kerajaan PKR Selangor

SHAH ALAM 11 Mei - Kira-kira 100 penduduk Kampung Sri Aman, Ijok mendakwa ditipu kerajaan PKR Selangor yang sebelum ini berjanji mahu membela kebijakan mereka khususnya dalam soal perumahan.

Mereka yang berhimpun di pekarangan bangunan Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK) di sini menyatakan kemarahan dan bantahan terhadap kerajaan negeri yang sempat merobohkan empat daripada 30 buah rumah di kampung tersebut semalam.

Ketua Pemuda MIC Kebangsaan, C. Sivarraajh yang mengetuai perhimpunan itu menegaskan kerajaan negeri tidak sepautnya mengambil tindakan sedemikian tanpa adanya pertimbangan munasabah kepada para pemilik rumah terlibat termasuk pampasan lebih adil.

"Walaupun tanah yang didiami penduduk kampung itu adalah milik kerajaan negeri, ia sepautnya tidak boleh diselesaikan hanya dengan cara merobohkan rumah mereka. Sebaliknya kerajaan negeri perlu ada pertimbangan dengan menyediakan tanah atau perumahan ganti yang sesuai kepada mereka."

"Jika tindakan perobohan itu menjadi keutamaan, mana janji

kerajaan negeri mahu membela masyarakat India di Selangor ini. Jika kerajaan negeri mahu membangunkan tanah tersebut untuk perumahan mampu milik, sepautnya mereka tidak boleh menjadikan para penduduk kampung yang terlibat sebagai mangsa," katanya di sini hari ini.

Tambah Sivarraajh, walaupur kerajaan negeri dikatakan telak menyediakan tanah baharu kepada para penduduk, pihaknya mendapati tanah terbabit didapati bukan hanya terletak di tebing sungai, tetapi turut dinaiki air apabila berlaku hujan lebat.

"Jika tanah itu yang dikatakan kerajaan negeri sebagai membela dan prihatin kepada penduduk yang terlibat, ia jelas tidak masuk akal. Siapa yang nak bina rumah di atas tanah dinaiki air dan banjir," tegasnya.

Tambahnya, terdapat kira-kira 150 orang penduduk kampung terbabit yang terjejas akibat tindakan kerajaan negeri itu.

Perhimpunan tersebut turut bertukar kecoh apabila individu yang

berhimpun di SUK tidak berpuas hati setelah menunggu hampir dua jam bermula pukul 2 petang untuk menyerahkan memorandum bantahan mereka kepada Pengurus Jawatankuasa Tetap Kemiskinan, Kerajaan Prihatin dan Pekerja Ladang Negeri, V. Ganabatirau.

Malah, mereka juga dihalang untuk memasuki kawasan lobi bangunan SUK itu sehingga memaksa Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Mohd. Amin Ahmad Ahyu campur tangan bagi menenangkan keadaan.

Bagaimanapun, Ganabatirau kembali turun untuk menerima memorandum tersebut kira-kira pukul 3.55 petang manakala dalam satu kenyataannya hari ini, beliau menyatakan kerajaan negeri telah mengemukakan dua notis pengosongan kepada para penduduk pada Julai 2015 dan Januari 2016 untuk pembinaan projek Rumah Selangorku.

Selain itu katanya, kerajaan negeri turut memberikan pampasan RM5,000 kepada penduduk yang terlibat dan tanah untuk kediaman dan pertanian.



PENDUDUK Kampung Sri Aman yang berang berhimpun di pekarangan bangunan SJK di Shah Alam, Selangor, semalam, setelah dua jam menunggu V. Ganabatirau untuk menyerahkan memorandum. - UTUSAN/SAHARUDDIN ABDULLAH

Headline	Rumah dicemari lumpur bercampur najis loji kumbahan		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	12 May 2016	Color	Black/white
Section	Dlm Negeri	Circulation	171,663
Page No	27	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	143 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,863
Frequency	Daily	PR Value	RM 5,590



Rumah dicemari lumpur bercampur najis loji kumbahan

SEmenYIH 11 Mei – Lapan buah keluarga di Taman Semenyih Indah, di sini seolah hidup dalam sebuah loji kumbahan besar selepas rumah mereka dinaiki banjir lumpur yang bercampur dengan najis.

Kejadian yang berlaku setiap kali hujan lebat itu dipercayai berpunca dari limpahan sungai ke dalam loji kumbahan yang berada hanya beberapa meter dari kediaman penduduk.

Seorang penduduk, S. Nagan-dren, 48, ketika ditemui berkata, kejadian terbaru semalam dan Sabtu lalu adalah yang terburuk pernah dialaminya kerana menyebabkan kerugian antara RM50,000 hingga RM70,000.

“Air naik mendadak ke dalam rumah sehingga ke paras pinggang

menyebabkan kami sekeluarga tidak sempat mengalihkan barang-barang berharga. Akibat banjir lumpur itu, semua barang elektronik, perabot dan pakaian rosak.

“Masalah ini berlaku sejak 2014 tetapi pulih tahun lalu selepas Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) menggali dasar sungai terbabit. Tetapi masalah berulang berkenaan disebabkan perparitan yang tersumbat,” katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Menurutnya, ia tidak sepertutnya berlaku memandangkan laporan kepada Majlis Perbandaran Kajang (MPKJ), Indah Water Konsortium (IWK) dan JPS telah dibuat.

Tambahnya, lumpur bercampur najis itu meninggalkan bau

yang kuat sehingga memerlukan tiga hari pembersihan untuk menghilangkannya malah waktu tidur dia sekeluarga terganggu setiap kali hujan turun kerana teringatkan masalah tersebut.

Sementara itu, seorang lagi mangsa yang turut mengalami nasib serupa, Muhamad Farhan Abdullah, 35, berkata, kejadian tersebut merupakan kali ketiga pernah dialaminya sejak mendiami kawasan tersebut sejak tiga tahun yang lalu.

“Masalah ini perlu segera di selesaikan kerana keadaan air itu bukan sahaja berlumpur malah bercampur dengan najis yang sudah pasti memberi kesan kepada kesihatan penduduk,” katanya yang mengalami kerugian kira-kira RM6,000.

Headline	MDSB digesa selesai isu haiwan berbisa		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	12 May 2016	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	171,663
Page No	27	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	144 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,872
Frequency	Daily	PR Value	RM 8,616



MDSB digesa selesai isu haiwan berbisa

SABAK BERNAM 11 Mei - Majlis Permuafakatan Taman Dewan Undangan Negeri (DUN) Sungai Panjang menggesa Majlis Daerah Sabak Bernam (MDSB) menyenggara kawasan terbiasar agar insiden haiwan berbisa seperti ular dan biawak menyelinap masuk ke kediaman dapat dielakkan.

Pengerusi Taman Berkat, Sungai Besar, Zainal Abidin Tanjung berkata, terdapat beberapa kes biawak masuk ke kediaman penduduk terutama dalam cuaca panas.

"Senggaraan dan pembersihan semak, longkang serta parit mesti dilakukan secara berjadual bagi mengelak kejadian tidak diingini. Saya terima beberapa aduan dan ini mengundang bahaya jika tidak dipandang serius," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sesi dialog antara Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Panjang, Budiman Mohd. Zohdi, Yang Dipertua MDSB, Azlinda Azman, pengurus serta wakil taman per-



KERATAN Utusan Malaysia 28 April 2016.

mahan di sini.

Menurutnya, penduduk bimbang haiwan berbisa menyorok di dalam tayar terpakai dan pasu-pasu bunga yang tidak digunakan.

Sementara itu Azlinda berkata, pertemuan secara bersemuka itu merupakan satu proses untuk mengetahui beberapa masalah yang dihadapi komuniti di taman per-

mahan.

"Walaupun memang kita ada sistem untuk mengetahui masalah yang dihadapi mereka, pertemuan ini berbeza apabila kita dapat menjawab terus persoalan yang dibangkitkan penduduk.

"Saya telah laksanakan tanggungjawab untuk menyampaikan apa jua maklumat dan kita cuba selesaikan masalah komuniti ini dari semasa ke semasa," katanya.

Dalam pada itu, seorang penduduk dari Taman Padu Permai, Yaacob Haramin, 60, berkata, peluang bertemu Yang Dipertua MDSB itu dianggap sebagai perkembangan baharu dalam usaha kedua-dua pihak menjalin hubungan yang lebih akrab.

Katanya, beberapa isu dibangkitkannya dalam pertemuan itu seperti masalah anjing liar, soal kebersihan dan landskap, longkang serta sampah haram.

Headline	Penduduk desak pemaju tunai janji		
MediaTitle	Utusan Malaysia	Color	Full Color
Date	12 May 2016	Circulation	171,663
Section	Dlm Negeri	Readership	563,000
Page No	26	ArticleSize	838 cm ²
Language	Malay	AdValue	RM 16,714
Journalist	N/A	PR Value	RM 50,142
Frequency	Daily		



Penduduk desak pemaju tunai janji

Oleh **ABDUL YAZID ALIAS**

kota@utusangroup.com.my

■ SHAH ALAM 11 MEI

PEMILIK rumah di Taman Perumahan Bandar Hillpark, Puncak Alam di sini kesal dengan sikap pemaju yang didakwa lepas tangan serta gagal menukar janji untuk menyediakan kemudahan keselamatan kepada penduduk.

Dakwaan itu dikemukakan seorang pembeli, Hamizal Osman, 48, yang mendesak pemaju supaya bertanggungjawab dalam kes pecah rumah melibatkan sebilangan penduduk di kawasan itu pada 8 April lalu.

Dia yang mula menduduki kediaman baharu itu awal bulan lalu berkata, kejadian tersebut tidak sepautnya berlaku sekiranya pemaju melaksanakan janji menyediakan kemudahan kawalan keselamatan 24 jam termasuk meletakkan kamera lita tertutup (CCTV) sebagaimana yang dinyatakan dalam risalah jualan.

"Saya bersama-sama penduduk

Headline	Penduduk desak pemaju tunai janji		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	12 May 2016	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	171,663
Page No	26	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	838 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 16,714
Frequency	Daily	PR Value	RM 50,142

terlibat telah mengemukakan perka-ra ini kepada pemaju. Namun pemaju seolah-olah tidak mengambil be-rat tentang masalah ini walaupun rumah kami telah dipecah masuk.

“Setakat hari ini, pemaju masih belum memasang CCTV. Walau-pun pemaju meletakkan pondok pengawal di hadapan pintu masuk, pengawasan keselamatan dilihat tidak menyeluruh,” katanya yang mengalami kerugian diang-

garkan sebanyak RM30,000.

Sementara itu, seorang lagi penduduk, Mohd. Hanafi Basri, 30, menyatakan, kerugian yang dialaminya akibat kes tersebut dianggarkan bernilai RM15,000 melibatkan kehilangan televisyen dan barang kemas.

Dia meminta pemaju supaya le-bih prihatin dengan memasang pagar yang lebih selamat bagi me-mastikan keselamatan penduduk,

bukannya sekadar memasang pagar jenis jeriji besi yang sedia ada ketika ini.

“Sepatutnya pemaju membina pagar yang lebih kukuh seperti pagar konkrit. Kita tidak mahu ke-jadian sama berulang,” ujarnya.

Dalam pada itu, penduduk ter-libat turut menuntut pampasan daripada pemaju atas kos kerugian yang mereka alami susulan kejadian pecah rumah.

Headline	Pemaju sediakan CCTV atasi kes pecah rumah		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	12 May 2016	Color	Black/white
Section	Dlm Negeri	Circulation	171,663
Page No	26	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	177 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,306
Frequency	Daily	PR Value	RM 6,919



Pemaju sediakan CCTV atasi kes pecah rumah

SHAH ALAM 11 Mei - Pemaju perumahan, MKH Berhad menegaskan pihaknya akan membina pondok pengawal termasuk memasang kamera litar tertutup (CCTV) di Taman Perumahan Bandar Hillpark, Puncak Alam di sini bagi memastikan keselamatan para penduduk.

Penolong Pengurus Hubungan Pelanggannya, Azman Zakaria ketika dihubungi menyatakan kemudahan itu akan dilaksanakan pihaknya selepas persatuan penduduk taman perumahan berkenaan membuat permohonan serta mendapat kelulusan daripada Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS) untuk tujuan itu.

Menurutnya, secara teknikal kemudahan pengawal keselamatan para penduduk bukan di bawah tanggungjawab pemaju malah tidak terkandung dalam syarat-syarat perjanjian jual-beli.

"Sebaliknya, perkara itu adalah tertakluk di bawah bidang kuasa pengurusan persatuan penduduk taman perumahan terbabit termasuklah melaksanakan kutipan yuran bagi menampung kos perkhidmatan tersebut.

"Bagaimanapun kami (MKH Berhad) akan membina pondok pengawal dan memasang CCTV di pintu masuk dan keluar kawasan taman perumahan berkenaan selepas pihak persatuan penduduk membuat permohonan dan mendapat kelulusan rasmi MDKS," katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai aduan penduduk Taman Bandar Hillpark pada 30 April lalu yang kesal dengan sikap pemaju yang didakwa 'lepas tangan' serta gagal melaksanakan janji penyediaan kemudahan keselamatan sehingga mengundang kejadian jenayah.

Mengulas lanjut mengenai dakwaan tersebut, Azman menyatakan



Kita mengambil kira tanggungjawab sosial kita sebagai pemaju kepada pembeli. Ketika ini kita menampung kos perkhidmatan pengawal keselamatan yang sepatutnya tamat pada Mac lalu tetapi kita lanjutkan sehingga Jun ini."

**AZMAN ZAKARIA
Penolong Pengurus
Hubungan Pelanggan MKH Berhad**

buat masa ini MKH Berhad menanggung kos untuk menyediakan perkhidmatan pengawal keselamatan semantara di kawasan perumahan tersebut meskipun perkara itu bukan di bawah tanggungjawab mereka.

"Kita mengambil kira tanggungjawab sosial kita sebagai pemaju kepada pembeli. Ketika ini kita menampung kos perkhidmatan pengawal keselamatan yang sepatutnya tamat pada Mac lalu tetapi kita lanjutkan sehingga Jun ini," ujarnya.

Mengenai pampasan yang dituntut penduduk yang terlibat dalam kes pecah rumah itu, Azman menyatakan pihaknya tiada keperluan untuk berbuat demikian memandangkan perkara itu di luar bidang kuasa pemaju.

Sebaliknya, pihaknya mengambil inisiatif membantu membaiki kerosakan kediaman yang dialami pembeli yang terlibat dalam kes pecah rumah berkenaan termasuk me-naik taraf pagar yang lebih selamat di kawasan perumahan tersebut.

Headline	BERBINCANG		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	12 May 2016	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	171,663
Page No	2	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	204 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 4,032
Frequency	Daily	PR Value	RM 12,096



BERBINCANG

YANG Dipertuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Muhriz Tuanku Munawir (kanan) bersama (dari kiri) Pengurus Jemaah Pemangku Sultan Kedah, Tan Sri Tunku Sallehuddin Sultan Badlishah, Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah, Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah, Sultan Kelantan, Sultan Muhammad V dan Raja Perlis, Tuanku Syed Sirajuddin Putra Jamalullail berbincang sebelum mempengerusikan Mesyuarat Majlis Raja-Raja Ke-241 di Istana Negara, Kuala Lumpur, semalam. - BERNAMA



fokus

Shah Alam dan Klang diambil sebagai nama jalan di penempatan Desa Alam Shah bersempena perkenan Sultan Selangor untuk berkongsi kutipan Zakat Selangor di Kelantan sebagai dana utama membangunkan penempatan tersebut.

Penempatan sementara bagi melatih kemahiran asnaf yang dibangunkan dengan kos RM8.3 juta itu merupakan hasil kutipan zakat di Selangor untuk dikongsi bersama asnaf di luar negeri.

Menerusi program itu, seramai 29 asnaf fakir dan miskin yang terpilih ditempatkan di penempatan agro-ekonomi Desa Alam Shah selama lima tahun untuk dilatih dan diberikan tunjuk ajar kaedah pertanian serta perludangan daripada Nestle (Malaysia) Berhad, melalui Kelab Cili Nestle dan Pertubuhan Peladang Kawasan Bukit Awang.

Kelab Cili Nestle juga berperanan membantu asnaf bagi meningkatkan kualiti dan kuantiti hasil tanaman cili tanpa kos penanaman yang tinggi selaras dengan konsep 'Menjana Nilai Bersama Nestle', manakala hasil tuaiannya akan dibeli dengan harga pasaran oleh Nestle bagi tujuan pembuatan sos cili Maggi.

Oleh MOHD. SHAH CHE AHMAD
agama@utusan.com.my

SEBUT sahaja Shah Alam dan Klang, pastinya terbayang dalam pikiran tentang negeri Selangor. Jangan terkejut jika ia beralamat di Kelantan. Ini kerana kedua-dua pusat bandar yang melambangkan negeri Selangor itu juga kini boleh dilihat di penempatan Desa Alam Shah, Kampung Gong Jenerah, Pasir Puteh, Kelantan.

Walaupun tidak sebesar dan maju seperti bandar sebenar, namun penempatan berkonsep agro-ekonomi yang menyediakan kemudahan asas termasuk surau, pusat sumber, dewan serbaguna dan kedai runcit itu cukup bermakna bagi asnaf fakir dan miskin

yang ditempatkan di kawasan tersebut. Ini kerana, usaha pintar menerusi kerjasama strategik antara Lembaga Zakat Selangor, Majlis Agama Islam Selangor (Zakat Selangor, MAIS) dan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Kelantan (Maik) itu bukan sahaja dapat meringankan kesempitan hidup asnaf tetapi turut merangsang mereka untuk keluar daripada kepompong kemiskinan.

Menerusi bantuan modal berupa sebuah rumah berserta tanah seluas 0.46 hektar bagi setiap penerima untuk projek penanaman cili, bantuan itu diakui memberi peluang masa depan yang cerah kepada mereka untuk meneruskan kehidupan.

SHAH ALAM dan Klang diambil sebagai nama jalan di penempatan Desa Alam Shah, Pasir Puteh, Kelantan.



Secara purata, melalui perkongsian strategik ini, asnaf yang terlibat dijangka mendapat purata pendapatan sekitar RM1,200 sebulan. Melalui pendapatan ini, satu tabungan akan diwujudkan agar asnaf yang terlibat mampu menyimpan sebahagian daripada pendapatan iaitu sebanyak RM300 untuk kemudahan akan datang.

HASIL tanaman cili akan dijual kepada Nestle untuk penghasilan sos cili.

Selangor kongsi hasil zakat

Santuni asnaf di Kelantan menerusi inisiatif penempatan Desa Alam Shah



PELUANG KELUAR DARIPADA KEPOMPONG KEMISKINAN

Perkara itu diakui oleh seorang penerima manfaat, Tuan Hussain Tuan Mahmood ketika ditemui *Mega, Utusan Malaysia*, pada majlis perasmian dan pengurusan kunci rumah kepada penghuni Desa Alam Shah, Pasir Puteh, Kelantan yang disempurnakan oleh Sultan Kelantan, Sultan Muhammad V sambil disaksikan oleh Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah, baru-baru ini.

Bapa kepada tiga orang anak itu berkata, jika mengharapkan pendapatannya sebagai buruh kampung yang tidak menentu, kehidupannya sebelum ini disifatkan seperti perumpamaan kais pagi makan pagi, kais petang makan petang.

"Saya tiada pekerjaan tetap, hanya mengambil upah membuat kerja-kerja



TUAN HUSSAIN TUAN MAHMOOD

fokus



SURAU yang dilengkapi sistem pembesar suara turut disediakan untuk kemudahan penghuni.



Pembangunan penempatan Desa Alam Shah di tapak seluas 17.02 hektar itu dibangunkan kepada tiga segmen iaitu penempatan berkelompok, pembinaan infrastruktur asas serta projek agro-ekonomi.

Bagi pembinaan penempatan penduduk, sebanyak 30 unit rumah setingkat dengan keluasan 1,000 kaki persegi lengkap dengan perabot asas.



kampung menanam padi, berkebun dan juga tolong-tolong jiran berniaga sebelum ini. Apa yang dapat, itulah yang sayak makan, berikan kepada anak-anak dan isteri," katanya yang tinggal di Jalan Shah Alam.

YANG turut hadir pada majlis itu, Tengku Mahkota Kelantan, Dr. Tengku Muhammad Faiz Petra ibni Sultan Ismail Petra; Tengku Temenggong Kelantan, Datuk Tengku Muhammad Rizam Tengku Aziz; Pengerusi Zakat Selangor, Tan Sri Syed Anwar Ibni Tuanku Syed Putra Jamalullail; Pengerusi MAIS, Datuk Mohamad Adzib Mohd. Isa; Ketua Pegawai Eksekutif Zakat Selangor, Hussin Mohd. Ali, dan Timbalan Yang diPertua Maik, Dr. Nik Mohd. Azlan Abd. Hadi.

Berkesempatan menyaksikan sendiri keadaan rumah pusaka didiami Tuan Hussain sejak lahir dengan keadaan bertampal-tampal dan separuh roboh cukup jelas membuktikan kesempitan hidup dalamnya yang amat memerlukan bantuan.

"Saya sangat bersyukur kerana terpilih menerima bantuan ini. Mula diberikan peluang mengusahakan ladang cili sendiri pada tahun 2014, saya dibantu oleh isteri berjaya memperoleh pendapatan kasar sebanyak RM14,000 pada musim keduah, tahun 2015."

"Dalam masa sama, saya juga turut mengambil upah melakukan sebarang pekerjaan selain pada waktu bercucuk tanam cili untuk menambah pendapatan yang ada," ujarnya.

Sementara itu, bagi Wan Ismazani Wan Jusoh, 46, bantuan itu merupakan landasan bagiinya untuk keluar daripada kepompong asnaf yang dilaluiinya sekeluarga sejak puluhan tahun lalu.

“Dia yang bercita-cita untuk menjadi petani berjaya berkata, bantuan tanah dan projek penanaman cili itu



SULTAN MUHAMMAD V (dua dari kanan) menunjukkan hasil tanaman cili di penempatan Desa Alam Shah kepada Sultan Sharafuddin Idris Shah.

mengambil upah melakukan kerja-kerja kampung dan buruh binaan.

"Hendak berubah, tetapi ke mana saya hendak pergi dan apa yang boleh buat di kampung ini? Oleh itu, apabila diberikan peluang ini, ia merupakan kesempatan terbaik mengubah hidup sekeluarga," katanya.

Tambahan Wan Ismazani, selepas memulakan projek penanaman cili tersebut, ternyata keadaan kehidupan keluarganya berubah menjadi semakin baik berbanding dahulu.

"Tidak lagi perlulah melakukan kerja-kerja berat, pak cik di bantu oleh isteri hanya menumpukan sepenuh masa mengusahakan tanaman cili ini. Alhamdulillah, kehidupan kami banyak berubah."

"Banyak masa juga kini boleh diluangkan bersama keluarga. Kebiasaan mereka pak cik akan mula ke ladang pulak 7.30 pagi hingga 10.30 pagi pada sebelah pagi dan diteruskan pada pulak 5 hingga 7 malam setiap hari," ujarnya.



SULTAN MUHAMMAD V (kiri) berkenan menandatangani plak perasmian pada Majlis Pengurniaan Kunci Rumah Kepada Penghuni Desa Alam Shah, Pasir Puteh, sambil disaksikan Sultan Sharafuddin Idris Shah, baru-baru ini.

akan dimanfaatkan sepenuhnya bagi mengumpul pengalaman serta selok belok pertanian juga menjalankan perniagaan.

"Saya mempunyai lima orang anak dan empat daripada mereka masih bersekolah, apa sahaja pekerjaan dilakukan untuk menampung keluarga termasuk

INFO DESA ALAM SHAH

Idea Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah dengan kerjasama Zakat Selangor, MAIS dan Maik.

Berluasan 17.02 hektar dengan kos sebanyak RM8.3 juta dana Zakat Selangor.

FOKUS KEROHANIAN

Bukan bersifat bantuan semata-mata, sumbangan yang disalurkan juga memberi peluang kepada Zakat Selangor, MAIS dan Maik untuk memperkisas aspek kerohanian asnaf dalam masa sama mengecapi kejayaan dunia.

Mengulas lanjut, Syed Anwar berkata, bantuan menerusi projek Selangor Prihatin itu turut mengutamakan aspek pembangunan modal insan kepada penerima.

"Selain menyediakan bantuan kepada asnaf untuk berubah, pelbagai program dan aktiviti bertumbuk kerohanian turut dirancang antara Zakat Selangor dan Maik dengan berlandaskan tiga teras utama iaitu pendidikan agama dan akademik, sosial serta ekonomi kepada penerima," katanya.

Syed Anwar berkata, projek pembangunan ekonomi asnaf di luar Selangor ini merupakan cetusan idea Sultan Selangor yang berhasrat agar manfaat daripada dana zakat di Selangor dapat disalurkan kepada negeri yang kurang sumber zakatnya.

"Rentetan daripada kejayaan projek Taman Desa Asnaf di Perlis yang dirasmikan pada 2013, Zakat Selangor telah menyempurnakan titah Sultan Selangor untuk menyalurkan dana zakat kepada pembangunan Desa Alam Shah ini pula."

"Justeru, Zakat Selangor akan terus memantau perjalanan projek ini untuk tempoh dua tahun bagi memastikannya mampu menyantuni asnaf terpilih di penempatan ini," jelasnya.



fokus

Shah Alam dan Klang diambil sebagai nama jalan di penempatan Desa Alam Shah bersempena perkenan Sultan Selangor untuk berkongsi kutipan Zakat Selangor di Kelantan sebagai dana utama menggunakan penempatan tersebut.

Penempatan sementara bagi melatih kemahiran asnaf yang dibangunkan dengan kos RM8.3 juta itu merupakan hasil kutipan zakat di Selangor untuk dikongsi bersama asnaf di luar negeri.

Menerusi program itu, seramai 29 asnaf fakir dan miskin yang terpilih ditempatkan di penempatan agro-ekonomi Desa Alam Shah selama lima tahun untuk dilatih dan diberikan tunjuk ajar kaedah pertanian serta perludangan daripada Nestle (Malaysia) Berhad, melalui Kelab Cili Nestle dan Pertubuhan Peladang Kawasan Bukit Awang.

Kelab Cili Nestle juga berperanan membantu asnaf bagi meningkatkan kualiti dan kuantiti hasil tanaman cili tanpa kos penanaman yang tinggi selaras dengan konsep 'Menjana Nilai Bersama Nestle', manakala hasil tuaiannya akan dibeli dengan harga pasaran oleh Nestle bagi tujuan pembuatan sos cili Maggi.

Oleh MOHD. SHAH CHE AHMAD
agama@utusan.com.my

SEBUT sahaja Shah Alam dan Klang, pastinya terbayang dalam pikiran tentang negeri Selangor. Jangan terkejut jika ia beralamat di Kelantan. Ini kerana kedua-dua pusat bandar yang melambangkan negeri Selangor itu juga kini boleh dilihat di penempatan Desa Alam Shah, Kampung Gong Jenerah, Pasir Puteh, Kelantan.

Walaupun tidak sebesar dan maju seperti bandar sebenar, namun penempatan berkonsep agro-ekonomi yang menyediakan kemudahan asas termasuk surau, pusat sumber, dewan serbaguna dan kedai runcit itu cukup bermakna bagi asnaf fakir dan miskin

yang ditempatkan di kawasan tersebut. Ini kerana, usaha pintar menerusi kerjasama strategik antara Lembaga Zakat Selangor, Majlis Agama Islam Selangor (Zakat Selangor, MAIS) dan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Kelantan (Maik) itu bukan sahaja dapat meringankan kesempitan hidup asnaf tetapi turut merangsang mereka untuk keluar daripada kepompong kemiskinan.

Menerusi bantuan modal berupa sebuah rumah berserta tanah seluas 0.46 hektar bagi setiap penerima untuk projek penanaman cili, bantuan itu diakui memberi peluang masa depan yang cerah kepada mereka untuk meneruskan kehidupan.

SHAH ALAM dan Klang diambil sebagai nama jalan di penempatan Desa Alam Shah, Pasir Puteh, Kelantan.



Secara purata, melalui perkongsian strategik ini, asnaf yang terlibat dijangka mendapat purata pendapatan sekitar RM1,200 sebulan. Melalui pendapatan ini, satu tabungan akan diwujudkan agar asnaf yang terlibat mampu menyimpan sebahagian daripada pendapatan iaitu sebanyak RM300 untuk kemudahan akan datang.

HASIL tanaman cili akan dijual kepada Nestle untuk penghasilan sos cili.

Selangor kongsi hasil zakat

Santuni asnaf di Kelantan menerusi inisiatif penempatan Desa Alam Shah



PELUANG KELUAR DARIPADA KEPOMPONG KEMISKINAN

Perkara itu diakui oleh seorang penerima manfaat, Tuan Hussain Tuan Mahmood ketika ditemui *Mega, Utusan Malaysia*, pada majlis perasmian dan pengurusan kunci rumah kepada penghuni Desa Alam Shah, Pasir Puteh, Kelantan yang disempurnakan oleh Sultan Kelantan, Sultan Muhammad V sambil disaksikan oleh Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah, baru-baru ini.

Bapa kepada tiga orang anak itu berkata, jika mengharapkan pendapatannya sebagai buruh kampung yang tidak menentu, kehidupannya sebelum ini disifatkan seperti perumpamaan kais pagi makan pagi, kais petang makan petang.

"Saya tiada pekerjaan tetap, hanya mengambil upah membuat kerja-kerja



TUAN HUSSAIN TUAN MAHMOOD

fokus



SURAU yang dilengkapi sistem pembesar suara turut disediakan untuk kemudahan penghuni.



Pembangunan penempatan Desa Alam Shah di tapak seluas 17.02 hektar itu dibangunkan kepada tiga segmen iaitu penempatan berkelompok, pembinaan infrastruktur asas serta projek agro-ekonomi.

Bagi pembinaan penempatan penduduk, sebanyak 30 unit rumah setingkat dengan keluasan 1,000 kaki persegi lengkap dengan perabot asas.



kampung menanam padi, berkebun dan juga tolong-tolong jiran berniaga sebelum ini. Apa yang dapat, itulah yang sayak makan, berikan kepada anak-anak dan isteri," katanya yang tinggal di Jalan Shah Alam.

YANG turut hadir pada majlis itu, Tengku Mahkota Kelantan, Dr. Tengku Muhammad Faiz Petra ibni Sultan Ismail Petra; Tengku Temenggong Kelantan, Datuk Tengku Muhammad Rizam Tengku Aziz; Pengerusi Zakat Selangor, Tan Sri Syed Anwar Ibni Tuanku Syed Putra Jamalullail; Pengerusi MAIS, Datuk Mohamad Adzib Mohd. Isa; Ketua Pegawai Eksekutif Zakat Selangor, Hussin Mohd. Ali, dan Timbalan Yang diPertua Maik, Dr. Nik Mohd. Azlan Abd. Hadi.

Berkesempatan menyaksikan sendiri keadaan rumah pusaka didiami Tuan Hussain sejak lahir dengan keadaan bertampal-tampal dan separuh roboh cukup jelas membuktikan kesempitan hidup dalamnya yang amat memerlukan bantuan.

"Saya sangat bersyukur kerana terpilih menerima bantuan ini. Mula diberikan peluang mengusahakan ladang cili sendiri pada tahun 2014, saya dibantu oleh isteri berjaya memperoleh pendapatan kasar sebanyak RM14,000 pada musim keduah, tahun 2015.

"Dalam masa sama, saya juga turut mengambil upah melakukan sebarang pekerjaan selain pada waktu bercucuk tanam cili untuk menambah pendapatan yang ada," ujarnya.

Sementara itu, bagi Wan Ismazani Wan Jusoh, 46, bantuan itu merupakan landasan bagiinya untuk keluar daripada kepompong asnaf yang dilaluiinya sekeluarga sejak puluhan tahun lalu.

“Dia yang bercita-cita untuk menjadi petani berjaya berkata, bantuan tanah dan projek penanaman cili itu



SULTAN MUHAMMAD V (dua dari kanan) menunjukkan hasil tanaman cili di penempatan Desa Alam Shah kepada Sultan Sharafuddin Idris Shah.



SULTAN MUHAMMAD V (kiri) berkenan menandatangani plak perasmian pada Majlis Pengurniaan Kunci Rumah Kepada Penghuni Desa Alam Shah, Pasir Puteh, sambil disaksikan Sultan Sharafuddin Idris Shah, baru-baru ini.

akan dimanfaatkan sepenuhnya bagi mengumpul pengalaman serta selok belok pertanian juga menjalankan perniagaan.

"Saya mempunyai lima orang anak dan empat daripada mereka masih bersekolah, apa sahaja pekerjaan dilakukan untuk menampung keluarga termasuk

mengambil upah melakukan kerja-kerja kampung dan buruh binaan.

"Hendak berubah, tetapi ke mana saya hendak pergi dan apa yang boleh buat di kampung ini? Oleh itu, apabila diberikan peluang ini, ia merupakan kesempatan terbaik mengubah hidup sekeluarga," katanya.

Tambahan Wan Ismazani, selepas memulakan projek penanaman cili tersebut, ternyata keadaan kehidupan keluarganya berubah menjadi semakin baik berbanding dahulu.

"Tidak lagi perlulah melakukan kerja-kerja berat, pak cik di bantu oleh isteri hanya menumpukan sepenuhnya masa mengusahakan tanaman cili ini. Alhamdulillah, kehidupan kami banyak berubah."

"Banyak masa juga kini boleh diluangkan bersama keluarga. Kebiasaan pak cik akan mula ke ladang pulak 7.30 pagi hingga 10.30 pagi pada sebelah pagi dan diteruskan pada pulak 5 hingga 7 malam setiap hari," ujarnya.

INFO DESA ALAM SHAH

Idea Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah dengan kerjasama Zakat Selangor, MAIS dan Maik.

Berluasan 17.02 hektar dengan kos sebanyak RM8.3 juta dana Zakat Selangor.

FOKUS KEROHANIAN

Bukan bersifat bantuan semata-mata, sumbangan yang disalurkan juga memberi peluang kepada Zakat Selangor, MAIS dan Maik untuk memperkisas aspek kerohanian asnaf dalam masa sama mengecapi kejayaan dunia.

Mengulas lanjut, Syed Anwar berkata, bantuan menerusi projek Selangor Prihatin itu turut mengutamakan aspek pembangunan modal insan kepada penerima.

"Selain menyediakan bantuan kepada asnaf untuk berubah, pelbagai program dan aktiviti bertujuan kerohanian turut dirancang antara Zakat Selangor dan Maik dengan berlandaskan tiga teras utama iaitu pendidikan agama dan akademik, sosial serta ekonomi kepada penerima," katanya.

Syed Anwar berkata, projek pembangunan ekonomi asnaf di luar Selangor ini merupakan cetusan idea Sultan Selangor yang berhasrat agar manfaat daripada dana zakat di Selangor dapat disalurkan kepada negeri yang kurang sumber zakatnya.

"Rentetan daripada kejayaan projek Taman Desa Asnaf di Perlis yang dirasmikan pada 2013, Zakat Selangor telah menyempurnakan titah Sultan Selangor untuk menyalurkan dana zakat kepada pembangunan Desa Alam Shah ini pula.

"Justeru, Zakat Selangor akan terus memantau perjalanan projek ini untuk tempoh dua tahun bagi memastikannya mampu menyantuni asnaf terpilih di penempatan ini," jelasnya.

Headline	Mangsa banjir di Dengkil mula dibenarkan pulang		
MediaTitle	Kosmo		
Date	12 May 2016	Color	Full Color
Section	Negara	Circulation	197,202
Page No	18	Readership	875,000
Language	Malay	ArticleSize	104 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,699
Frequency	Daily	PR Value	RM 8,097



Mangsa banjir di Dengkil mula dibenarkan pulang

SEPANG - Keadaan banjir di daerah ini yang mulai surut sejak Isnin lalu membolehkan kebanyakan mangsa yang ditempatkan di beberapa pusat pemindahan banjir dibenarkan pulang ke rumah masing-masing.

Pegawai Pertahanan Awam Daerah Sepang, Azli Muhibdin berkata, hanya satu pusat pemindahan iaitu Dewan Orang Ramai Taman Gemilang masih dibuka kepada orang awam bagi menem-



KERATAN Kosmo! 9 Mei 2016.

patkan seramai 99 mangsa banjir setakat ini.

"Pusat pemindahan Dewan Orang Ramai Taman Gemilang masih dibuka selepas air dilaporkan naik semula di kawasan Kampung Revolusi Hijau dan Kampung

Seri Tanjung, Dengkil di sini sejak pukul 10 pagi tadi (semalam)," katanya ketika dihubungi di sini semalam.

Kosmo! semalam melaporkan, sebanyak empat buah pusat pemindahan di sekitar Selangor termasuk Dewan Orang Ramai Kampung Ampar Tenang, Balai Raya Rinching Hilir, Dewan Komuniti Taman Seme nyih Indah dan Surau Ikhwanul Taman Seme nyih Indah ditutup secara rasmi apabila banjir surut sejak malam Isnin lalu.

Headline	Penduduk Taman Semenyih resah dilanda banjir lumpur		
MediaTitle	Kosmo		
Date	12 May 2016	Color	Full Color
Section	Negara	Circulation	197,202
Page No	18	Readership	875,000
Language	Malay	ArticleSize	189 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 4,905
Frequency	Daily	PR Value	RM 14,715



Penduduk Taman Semenyih resah dilanda banjir lumpur

KAJANG – Kira-kira 40 penduduk rumah teres di Taman Semenyih Indah di sini buntu apabila sering dihantui kejadian banjir lumpur serta kumbahan yang berpunca dari sebatang sungai kecil bersebelahan taman perumahan berkenaan.

Terbaru, kediaman di taman tersebut dilanda banjir lumpur yang naik hingga ke paras pinggang menyebabkan para penduduk mengalami kerugian ekoran pelbagai harta benda rosak akibat bencana berkenaan pada Sabtu lalu.

Menurut S. Nagandran, 48, dalam kejadian kira-kira pukul 6 petang itu, rata-rata penduduk tidak sem-

pat menyelamatkan harta benda kerana banjir lumpur naik dengan mendadak.

“Masalah itu sudah berlanjutan sejak dua tahun lalu dan kami telah membuat aduan kepada pihak berwajib, namun masih tidak mendapat perhatian sepenuhnya,” katanya ketika ditemui *Kosmo!* di sini semalam.

Nagandran menambah, banjir di kawasan itu bukan hanya membawa lumpur malah menyebabkan air kumbahan di sebuah loji rawatan bersebelahan sungai kecil berkenaan melimpah sama.

Sementara itu, Ahli Dewan Un-

dangan Negeri Semenyih, Datuk Johan Abdul Aziz meminta pihak berkaitan mewujudkan satu jawatankuasa khas bagi menangani masalah banjir lumpur tersebut.

Katanya, selain kawasan Taman Semenyih Indah, beliau difahamkan terdapat beberapa kawasan perumahan lain berdekatan turut mengalami masalah sama.

Sementara itu, wakil Ahli Majlis Perbandaraan Kajang Bryan Lei ketika ditemui berkata, pihaknya telah melakukan siasatan mengenai punca kejadian banjir lumpur itu dan mendapati, aliran sungai terbabit tersumbat di sebuah kawasan perindustrian, kira-kira satu kilometer dari taman perumahan tersebut.



JOHAN



BEBERAPA penduduk menunjukkan masalah aliran air hingga menyebabkan banjir lumpur setiap kali hujan lebat di Taman Semenyih Indah, Semenyih semalam.

Headline	Hujan lebat luar biasa punca Anggerik Mall digenangi air		
MediaTitle	Kosmo		
Date	12 May 2016	Color	Full Color
Section	Negara	Circulation	197,202
Page No	10	Readership	875,000
Language	Malay	ArticleSize	141 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,673
Frequency	Daily	PR Value	RM 11,020



Hujan lebat luar biasa punca Anggerik Mall digenangi air

SHAH ALAM – Kompleks perniagaan Anggerik Mall di Seksyen 14 di sini digenangi air akibat limpahan air luar biasa dari palung bumbung premis tersebut dalam kejadian hujan lebat kelmarin.

Menurut seorang penyewa di tingkat bawah premis tersebut, Zakaria Mohd. Ali, 60, kejadian itu bukan disebabkan bumbung premis itu bocor.

Beliau menceritakan, kejadian sama pernah berlaku sebelum ini tetapi hujan lebat kelmarin menyebabkan limpahan paling banyak sehingga bahagian bawah Anggerik Mall digenangi air.

“Penyewa di bahagian bawah terkena limpahan hujan yang turun secara mendadak. Palung tidak mampu menampung kuantiti air hingga ia melimpah,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita ketika menerima kunjungan Naib Ketua UMNO Bahagian Shah Alam, Datuk Nor Hisham Ses di sini

semalam.

Sementara itu, Nor Hisham berkata, kejadian hujan lebat dan ribut sejak kebelakangan ini merupakan faktor utama kejadian premis digenangi air dan banjir kilat di bandar raya ini.

“Semalam hujan lebat agak luar biasa selama hampir dua jam. Sedangkan bangunan Anggerik Mall jarang dilaporkan digenangi air hujan hingga menyebabkan kerosakan barang milik penyewa,” katanya.

Kosmo! semalam melaporkan, hujan lebat selama lebih satu jam bermula kira-kira pukul 4 petang kelmarin menyebabkan beberapa kawasan di Shah Alam ditenggelami air manakala lantai bahagian bawah Anggerik Mall digenangi air.

Air naik paras buku lalu, pokok tumbang di beberapa kawasan

Shah Alam dilanda banjir kilat

Oleh AHMAD SHAHIEEMAN dan SHAMSUL DANIAL dan ABDUL FAZAKIR

SHAH ALAM – Hujan lebat lebih sejam yang berlaku kira-kira pukul 4 petang

KERATAN Kosmo! 10 Mei 2016.

Headline	Panik sesudah Subuh		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	12 May 2016	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	1,270,667
Page No	54	Readership	3,812,000
Language	Malay	ArticleSize	623 cm ²
Journalist	Hafidzul Hilmi Mohd Noor	AdValue	RM 24,448
Frequency	Daily	PR Value	RM 73,344



Panik sesudah Subuh

Jemaah Masjid Al-Ehsan kelam-kabut lipat sejadah air masuk ruang masjid

Hafidzul Hilmi Mohd Noor
dan Nadzreen Shah Mat Salim
am@hmetro.com.my

Hulu Langat

Saya dan jemaah masjid kelam-kabut melipat sejadah dan permaidani masjid sejurus mendapat paras banjir semakin meningkat," kata Imam Masjid Al-Ehsan Muhammad Hussaini Jamaludin.

Dalam kejadian jam 6 pagi semalam, banjir kilat yang

berlaku sejurus hujan lebat turut menenggelamkan berpuluhan rumah penduduk di Kampung Sungai Serai, Batu 11, di sini.

Menurutnya, kejadian banjir mendadak itu mengejutkan jemaah masjid yang baru habis menuaikan solat Subuh.

"Ketika saya sampai di masjid, air banjir hanya setinggi buku lali, namun air naik mendadak setinggi paras lutut sebaik kami selesaikan solat subuh."

Muhammad Hussaini

maah yang menyedari kejadian itu bertindak pantas menggulung permaidani dan sejadah di dalam masjid," katanya.

Dia bersyukur kerana sempat memindahkan sejadah dan permaidani di masjidnya yang dikhuatiri boleh rosak jika ditenggelami banjir.

"Kejadian banjir kilat ini berpunca limpahan air dari sungai berhampiran.

"Malah longkang di kawasan masjid tidak mampu menampung air jika berlaku hujan lebat di kawasan ini," katanya.

Sementara itu beberapa jemaah dan ahli jawatan kuasa masjid bertindak membersihkan kotoran lumpur selepas banjir mula

surut sekitar jam 9 pagi semalam.

Tinjauan wartawan Harian Metro mendapati penuntut maahad tafsir di kawasan berhampiran turut membantu membersihkan masjid berkenaan.


Selain itu penduduk sekitar kawasan kampung Sungai Serai di sini, turut membersihkan kediaman masing-masing yang ditenggelami banjir kilat itu.

Mereka dilihat menjemur perkakas elektrik, perabot dan permaidani yang ditenggelami banjir di perkarangan rumah.

BANJIR yang menenggelamkan kawasan Masjid Al-Ehsan Kampung Sungai Serai, Batu 11, semalam.



Headline	Panik sesudah Subuh		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	12 May 2016	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	1,270,667
Page No	54	Readership	3,812,000
Language	Malay	ArticleSize	623 cm ²
Journalist	Hafidzul Hilmi Mohd Noor	AdValue	RM 24,448
Frequency	Daily	PR Value	RM 73,344



PERMAIDANI digulung bagi mengelak terkena air.



PENDUDUK menunjukkan paras air banjir.

GIST(ENGLISH)

N/A

Headline	Transformasi Selangor		
MediaTitle	Harian Metro	Color	Full Color
Date	12 May 2016	Circulation	1,270,667
Section	Arena	Readership	3,812,000
Page No	77	ArticleSize	483 cm ²
Language	Malay	AdValue	RM 19,027
Journalist	firdaus hashim	PR Value	RM 57,082
Frequency	Daily		



Transformasi Selangor

■ FAS tetap percaya kewibawaan Zainal, hanya perkuat serangan, tengah

Firdaus Hashim
firdaushashim@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Dari pada enam gelaran terhidang untuk Selangor musim ini, skuad kendalian Zainal Abidin Hassan kini hanya tinggal dua gelaran untuk diburu - Liga Super dan Piala Malaysia.

Empat lagi trofi sudah terlepas daripada genggaman membabitkan Piala Sumbangsih, Piala FA, Piala Sultan Selangor dan Piala AFC.

Lantas berdasarkan prestasi mengecewakan itu, Per-

satuhan Bolasepak Selangor (FAS) dijangka bakal melakukau penambahbaikan dengan merombak beberapa posisi terhadap jendela perpindahan pemain bulan depan.

Menurut sumber dalaman, FAS masih menaruh kepercayaan penuh kepada kewibawaan Zainal selaku pengendali dengan tempat bekas pengendali Pahang itu dijangka kekal hingga penghujung musim.

Namun, perkara utama yang menjadi perhatian pasukan juara Piala Malaysia itu adalah mempertajamkan jentera serangan serta me-

mantapkan bahagian tengah yang dilihat agak longlai dalam beberapa aksi sebelum ini.

Antara calon yang dikaitkan dengan Selangor ialah bekas penyerang import Pahang, Dickson Nwakaeme

selain penyerang Terengganu, Norshahrul Idlan Talaha dan tonggak tengah Pulau Pinang, Faiz Subri pula bagi kuota pemain tempatan.

“Memang persatuan sedang menimbaung beberapa nama untuk dibawa masuk pada jendela perpindahan bulan depan nanti.

“Tapi untuk menyengkir atau merehatkan jurulatih (Zainal) rasanya tidak sama sekali. Sudah menjadi polisi

pengurus (Amirudin Shaari) tidak akan memecat jurulatih sewenang-wenangnya, sama seperti yang berlaku kepada Mehmet Durakovic musim lalu.

“Namun agenda utama pasukan adalah cuba membuat penambahbaikan dengan mencari tonggak baru khusus untuk pusingan kedua saingan Liga Super nanti,” katanya kepada Arena Metro, semalam.

Pada awal musim ini, Zainal yang mengantikkan Durakovic diletakkan sasaran wajib mempertahankan Piala Malaysia selain merampas Liga Super daripada Johor Darul Ta'zim (Johor DT).



SELANGOR (jersi merah)
tidak seampuh musim
lepas.



>> Tiga pemain
dalam radar FAS

VALUATOR

Company(Brand)	Mention	Tone	ROI
Football Association Of Malaysia (FAM) (Malaysia Charity Shield)	1	0	RM 0
Football Association Of Malaysia (FAM) (Malaysia Cup)	3	0	RM 0
Football Association Of Malaysia (FAM) (Malaysia FA Cup)	13	0	RM 0
Football Association Of Malaysia (FAM) (Malaysia Super League)	3	0	RM 0

GIST(ENGLISH)

N/A



Bila ketawa, kentut perlu dikawal



Kepada siapa yang berhajat – dan yakin diri – kini ada peluang untuk menjadi wakil rakyat. Maka mulai saat ini bolehlah mengampu dan membodek ketua-ketua parti supaya dipilih sebagai calon bagi dua pilihan raya kecil.

Sekiranya bodek-bodek biasa tidak berkesan, boleh mengadu pada dukun dan bomoh. Malah, buatlah apa sahaja yang patut asalkan cita-cita selama ini menjadi kenyataan, dan tidak terus kempunan untuk duduk di kerusi penting.

Buatlah apa sahaja, sebab ganjarannya berbaloi-baloi. Dulu-dulu orang menolak untuk dicalonkan, sebab itu satu amanah dan tanggungjawab besar. Mereka berjuang untuk rakyat, betul-betul sebagai Ahli Yang Berkhidmat.

Hari ini persepsi terhadap mereka sudah berubah. Ramai wakil rakyat – tidak kira Dun atau Parlimen – dilihat lebih mementingkan kedudukan dan kepentingan diri. Baru sepenggal sudah nampak kereta besar, rumah besar, serba-serbi besar.

Sesetengahnya berubah secara mendadak, semua nampak gah melebihi pendapatan sebagai wakil rakyat, sehingga kerap timbul tanda tanya di hati pengundi: Dari mana YB dapat duit membeli dua tiga kereta mewah dan rumah-rumah besar.

Sebab itu setiap kali ada pilihan raya semua mendakwa mereka lahir paling layak

untuk menjadi calon. Orang lain tidak layak, dia seorang yang menepati apa yang dipanggil winnable candidate.

Maka untuk dipilih sebagai calon, ada

yang sanggup memutuskan kawan, pijak-memijak, tikam belakang, tikam depan, tikam atas, tikam bawah. Biar putus kawan, asalkan dapat bertanding. Sekiranya dipilih sebagai calon dan menang, mereka akan bergelar YB.

Bukan luar biasa setiap kali pilihan raya, tidak kira PRU atau PRK, ramai yang mimpi, mengigau, menjerit dalam tidur, dan meleleh air liur gara-gara teringin sangat bergelar YB.

Almaklumlah itu satu gelaran hebat yang akan menukar bukan sahaja cara hidup, malah cara berjalan, cara batuk dan cara ketawa. Hatta sekiranya terpaksa, bunyi kentut pun perlu dikontrol supaya kedengaran macho.

Ada pun peluang bergelar Ahli Yang Berhormat kini terbuka bagi mewakili kawasan Parlimen Sungai Besar, Selangor, dan Kuala Kangsar, Perak.

Seperti yang diketahui dua kerusi tersebut kosong, apabila Datuk Noriah Kasnon, dan Datuk Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad – keduanya dari Umno – terkorban dalam naibas helikopter 5 Mei lalu.

Sebagai orang setia parti dan taat pemimpin, keduanya berjuang hingga akhir hayat untuk sama-sama berkempen bagi memenangkan BN pada Pilihan Raya Negeri Sarawak. Semoga roh mereka ditempatkan dalam kalangan orang beriman.

Pilihan Raya Negeri Sarawak telah menyaksikan BN menang besar dengan memperoleh 72 dari 82 kerusi. Parti lain kecundang teruk. Isu-isu besar pusat – antaranya 1MDB dan GST – tidak berkesan walaupun digembar-gemburkan oleh pembangkang.

Ramai bersetuji Adenan Satem sebagai Ketua Menteri dan hero rakyat adalah salah satu faktor kemenangan BN. Tukar Ketua Menteri, timbul keyakinan baru dalam kalangan rakyat, dan pengundi memilih semula kerajaan lama.

Selain faktor tukar KM, tindakan menghalang sekian banyak pemimpin

pembangkang masuk ke Sarawak dilihat sebagai tidak adil. Tetapi Sarawak mempunyai hak untuk menyekat 'orang Malaya' masuk ke sana. Untuk menang mereka boleh menggunakan hak itu. Apa boleh buat!

Dia orang kata suasana di Bumi Kenyalang berbeza dengan di Semenanjung. Walaupun mudah menang besar di sana, BN tidak mudah untuk mempertahankan dua kerusi yang terkosong itu.

Melihat pada keputusan PRU13 lalu, pertandingan di Sungai Besar memang sengit. Noriah menang di Sungai Besar dengan majoriti hanya 399, memperoleh 18,695 undi menewaskan calon Pas Mohamed Salleh M Husin yang mendapat 18,296.

Di Kuala Kangsar Wan Mohammad menang dengan majoriti 1,082, memperoleh 14,218 undi, berbanding calon Pas Khalil Idham Lim Abdullah 13,136, dan calon bebas Datuk Kamalia Ibrahim 447.

Di seberang Laut China Selatan, pengundi mungkin tidak peduli dengan isu-isu yang dicanangkan pembangkang. Tetapi di Sungai Besar dan Kuala Kangsar keadaan mungkin berbeza. Isu-isu hangat semasa, termasuk 1MDB yang memalitkan PM, mungkin menyulitkan BN.

Apa pun kita akan berkempen lagi, dan ada peluang untuk dua orang lagi bergelar YB. Dan ada peluang untuk melariskan jualan akhbar. Tidak kira siapa calon, musim pilihan raya biasanya jualan akhbar meningkat.

“Pilihan Raya Negeri Sarawak telah menyaksikan BN menang besar dengan memperoleh 72 dari 82 kerusi. Parti lain kecundang teruk. Isu-isu besar pusat – antaranya 1MDB dan GST – tidak berkesan walaupun digembar-gemburkan oleh pembangkang.”



Petah bertutur bahasa Jawa

Mudahkan Siew Lim menyantuni masyarakat setempat

■ NIZAM ZAIN

SHAH ALAM - Agak pelik apabila seorang wakil rakyat berbangsa Cina bertutur dengan fasih, bukan sahaja dalam bahasa Melayu bahkan tidak kekok bila berkomunikasi dengan bahasa Jawa, lebih-lebih lagi bila menghadiri rewang atau gotong-royong kenduri kahwin masyarakat Melayu di negara ini.

Begitulah keunikan Adun Sekinchan, Ng Siew Lim yang mampu menyantuni masyarakat Melayu-Jawa erat kerana keupayaannya memahami, bertutur dan berhubungan dalam bahasa rakyat kawasannya.

Beliau yang dibesarkan dalam kalangan majoriti Melayu-Jawa di Kampung Tok Muda, Kapar, seawal usianya sembilan tahun memboleh-

kan memimpin DAP Selangor ini menguasai bahasa Melayu dan Jawa dengan baik sekali, meskipun bahasa pengantar keluarganya Mandarin.

Bahkan beliau mempunyai keluarga angkat berbangsa Jawa iaitu jiran keluarganya sendiri ketika beliau masih di bangku sekolah tanpa mendapat tentang ibu bapanya sekalipun menghabiskan masa cuti sekolahnya dengan menetap dalam keluarga Jawa itu.

Ayah angkatnya, dengan panggilan Wak E-Strok amat dikagumi sejak kecil kerana kemurahannya membantu Siew Lim sekeluarga untuk menampung perbelanjaan sekolahnya dengan menawarkan beliau bekerja di kantin.

"Ketika darjah lima baru saya ada peluang, oleh

kerana di situ ada projek besar hidro elektrik, jiran tetangga saya ini namanya Wak E-Strok, dia dapat tender kantin di situ.

"Kerana kekurangan pekerja dia tawar dan minta saya tolong selepas sekolah, oleh kerana keluarga saya miskin, saya anak sulung, saya tolonglah selepas sekolah."

"Sebulan dia bayar sedikit duit recehan untuk sara sekolah dan sebagainya. Keadaan ini menyebabkan saya bercampur dengan orang Jawa secara mendalam," katanya kepada *Sinar Harian*, baru-baru ini.

Siew Lim juga berkata, keakrab-an beliau bersama keluarga angkatnya hingga digelar sebagai anak Jawa oleh masyarakat Cina di kampungnya tidak dianggap sindiran bahkan beliau amat bangga kerana beliau satu-satunya anak Cina di situ yang serasi dengan tradisi dan adat resam orang Jawa.

Keserasian itu memberikan banyak kelebihan kepada Siew Lim khususnya apabila beliau berkecimpung dan cenderung dalam dunia politik sejak zaman persekolahannya lagi.

"Kelebihan saya boleh bersama dan memahami budaya Melayu jadi satu tarikan kepada saya untuk menyantuni masyarakat Melayu, khususnya

di kawasan saya di Sekinchan.

"Saya bersyukur dapat menghayati apa sebenarnya soal cabaran perpaduan dalam kalangan kaum di Malaysia ini," ujarnya.

Soal integrasi kaum katanya lagi ketika usianya kecil masih kukuh dan menebal di kampung serta kawasanannya, lebih-lebih lagi dalam kawasan luar bandar.

"Kita akrab saling ziarah-menziarah antara satu sama lain khususnya di kawasan saya. Masih ada kedai-kedai di Sekinchan, walaupun kedai Cina, dikunjungi oleh pengunjung Melayu, Banjar dan Jawa.

"Setiap hari kalau tak kena segeras kopi, macam tak kena. Suasana di sana muhibah, kita cukup terharu. Kita harap contoh di Sekinchan dan kawasan luar bandar ini boleh kita teliti, sedikit dijadikan asas bagaimana kita nak memupuk perpaduan di peringkat nasional," jelasnya.

Walaupun beliau wakil rakyat berbangsa Cina, namun ia tidak menghalangnya bergaul dengan orang kampung khususnya orang Melayu.

"Kalau ada apa-apa masalah, melibatkan orang Melayu dan sebagainya, jika ada sebarang permohonan dan bantuan yang boleh saya tolong, boleh ajukan kepada saya.

"Saya akan pertimbangkan seadilnya. Saya tidak akan guna pendekatan hal orang Melayu saya tolak itu tidak boleh tanya rakyat di Sekinchan, bagaimana saya beri berkhdimat kepada mereka," tegasknya.

Beliau turut berbangga pengagihan peruntukan kawasannya dimanfaatkan majoriti orang Melayu terutamanya petani.

Tidak kurang juga peruntukan perayaan umat Islam khususnya bulan puasa di mana beliau mengagihkan bubur lambuk dan kurma di bazar Ramadan dan bantuan moreh di surau dan masjid, walaupun pada mulanya ramai masyarakat Melayu segan menerima sumbangan tersebut.

"Sekarang sejah beberapa tahun ini, tiada lagi soal malu-malu, mereka dah serasi dah faham, orang Umno datang, orang atas pagar pun da-

SIEW LIM

tang dan ambil bantuan kerana rasa selesa.

"Suasana inilah cuba saya wujudkan di Sekinchan dalam konteks kita santuni, mempertahankan dan memperkuatkannya hubungan silaturrahim kepada semua rakyat.

Selain pandai berbahasa Jawa, Siew Lim turut terkenal dengan pidatonya yang menyelitkan ayat-ayat al-Quran dan Hadis, sambil menegaskan bukan tujuan populariti, tetapi ikhlak mendalam Islam untuk ke sejahteraan rakyat di Sekinchan.

"Kerana kerja saya sering berdamping pak imam, ustaz termasuk daripada Pas, di masjid termasuk kawan baik saya, Adun Meru, Dr Abdul Rani Osman, dia banyak bagi pandangan dan tunjuk ajar.

"Tiada masalah, siapa bagi (ilmu) saya ambil, janji perkara yang baik, kadang-kala saya nampak ayat al-Quran memang baik, ceramah-ceramah Pas sebelum ini kita dengar bila diselitkan ayat itu memang tepat.

"Dari situ saya belajar, seperti barang siapa menyenongkan kezaliman (cederung), nescaya akan disambar api neraka, sebab hadis seperti ini cukup baik," katanya.

Teguran pemimpin Pas yang melarang beliau dan pemimpin bukan Islam daripada menggunakan kalimah suci tegasnya hanya akan menyebabkan dakwah mereka gagal untuk menyantuni bukan Islam.

"Saya sebagai bukan Islam dan wakil rakyat, saya kena faham budaya orang Melayu dan Islam. Tak salah bagi saya bukan Islam, nak memahami dan mendalam ilmu agama Islam dan kebudayaan orang Melayu.

"Orang Islam dan semua insan di dunia ini adalah bersaudara. Walaupun dia bukan Islam, dia tetap bersaudara. Kalau nak kita nak meyakinkan masyarakat lain memahami Islam, dia kena guna pendekatan sederhana.

"Jangan merakut-nakutkan, kalau semua bukan Islam cuba memahami sedikit ayat al-Quran dan Hadis ke mudian dihalang, sampai bila dakwah kita nak berjaya," katanya lagi.



Siew Lim bertanyakan sesuatu kepada penduduk semasa menyertai aktiviti komuniti setempat.





12 May 2016
Sinar Harian, Malaysia

Author: Noor Azura Sahril • Section: Nasional • Page: 13 • Printed Size: 226.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 3,855.00
PR value: MYR 11,565.00 • Item ID: MY0026000313

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJANAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAU BANDARAN SULTAN SALAHUDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40100 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL SHALIM.
No.Tel: 03-5541 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektaohongor@gmail.com



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 1

Bina hospital di Rawang

Selgate Corporation meterai MoU bersama Hatimuda



Dari kiri: Izhar, Zainal, Azlan dan Noor Hisham ketika menandatangani memorandum persefahaman itu di ibu pejabat PKNS.

■ NOOR AZURA SAHRIL

SHAH ALAM - Selgate Corporation Sdn Bhd, anak syarikat milik penuh Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) kini meneroka segmen bisnes baru dalam bidang perubatan dan kesihatan di Selangor.

Ini dilakukan setelah Selgate Corporation memeterai memorandum persefahaman (MoU) bersama Hatimuda Sdn Bhd (Salam Group of Hospitals) bagi membangunkan hospital di Rawang, yang dijangka siap pada 2018.

Pembinaan hospital itu yang bakal dikenali sebagai Selgate Rawang Hospital dijangka bermula suku pertama tahun hadapan yang terletak

bersebelahan pusat membeli belah Aeon Mall di Rawang.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif Selgate Corporation, Noor Hisham Mohd Ghouth, MoU yang ditandatangani itu sebagai usahasama dalam meneroka, menyediakan, mereka bentuk dan menilai kebolehan dan merancang perniagaan serta kolaborasi untuk membangunkan hospital di Rawang.

"Selgate Corporation melalui anak syarikatnya, Selgate Healthcare Sdn Bhd akan membina lima hospital iaitu di Rawang, Gombak, Shah Alam, Setia Alam dan Cyberjaya yang bakal memberikan perkhidmatan kesihatan yang berkualiti pada kadar berpatutan.

"Selgate Healthcare akan

menerokai bidang perubatan dan kesihatan bagi mempromosikan Selangor sebagai hub industri pelancongan kesihatan," katanya pada sidang media selepas majlis menandatangani MoU di ibu pejabat PKNS.

MoU ditandatangani Pengurus Besar PKNS, Azlan Md Alifiah dan Noor Hisham bersama Pengerusi Hatimuda Sdn Bhd, Datuk Zainal Bachik dan Pengarahnya, Izhar Ibrahim.

Noor Hisham berkata, pembangunan lima hospital itu bakal melibatkan kos RM600 juta.

"Projek itu juga dijangka memperkuatkkan tarikan negeri Selangor sebagai destinasi utama pelaburan asing dan tempatan," katanya.



12 May 2016
Sinar Harian, Malaysia

Author: No author available • Section: Nasional • Page: 41 • Printed Size: 298.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 5,083.00
PR value: MYR 15,249.00 • Item ID: MY0026000719

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANDARAN SULTAN SALAHUDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40150 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL SHALIM
No.Tel: 03-5541 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: setia@kotongor@gmail.com



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 1

Kerja roboh rumah bertukar kecoh

Sesetengah pihak didakwa cuba sensasikan isu sehingga jadi viral di media sosial

IJOK - Kerja merobohkan 30 rumah di Kampung Seri Aman di sini bertukar kecoh dan terhenti apabila ada pihak didakwa cuba mengganggu kerja pihak berkuasa tempatan.

Exco Kemiskinan, Kerajaan Prihatin dan Pekerja Ladang, V Ganabatirau menjelaskan, isu meroboh rumah di perkampungan India itu diperbaikkan segelintir pihak tidak bertanggungjawab.

"Isu menjadi 'panas' apabila tersebar viral dalam media sosial sedangkan saya percaya, individu yang cuba jadi hero itu bukannya penduduk di kawasan terbabit.

"Individu yang cuba sebarluaskan fitnah menuduh kerajaan negeri zalim adalah penyokong parti komponen yang cuba buat dramà untuk menambat hati pengundi," katanya.

Sebelum ini katanya, kerajaan negeri melalui pihak berkuasa tempatan (PBT) sudah memberi penerangan dan hak milik kepada 172 keluarga di Kampung Seri Aman dan Kampung Seri Sentosa.

Bagaimanapun katanya, hanya empat keluarga yang berdegil untuk berpindah ke

tapak baharu sedangkan mereka sudah ditawarkan dua lot kediaman dan pertanian seperti penduduk lain.

"Tindakan meroboh itu bukannya mengejut sebab pemilik rumah itu sudah diberi RM5,000 dan dua tanah lot membabitkan kediaman dan pertanian sebagai pampasan.

"Majlis Tindakan Ekonomi Negeri memutuskan supaya empat rumah yang terlibat dalam rizab jalan kerajaan diberikan pampasan sewajarnya," katanya dalam satu kenyataan media semalam.

Ganabatirau berkata, notis pengosongan diberikan dua kali iaitu pada Julai 2015 lalu dan Januari lalu disebabkan kediaman settinggan mereka termasuk dalam rizab jalan untuk projek pembinaan Rumah Selangorku.

"Kerajaan negeri mengambil kira hak penduduk supaya kebijakan mereka dipelihara sebelum mengarahkan kerja meroboh supaya Projek Rumah Selangor dapat diuteruskan seperti dirancang," katanya.

Sementara itu, Pegawai Hal Ehwal Kaum India Selangor, KR Parthiban menjelaskan,

pihaknya bukannya mahu menunjuk hero tetapi mahu membela nasib penduduk yang sudah lama menetap di kampung itu.

"Sepatutnya kerajaan negeri bertimbang rasa dan tak patut robohkan rumah meskipun ada kuasa...mana mereka nak cari duit sekelip mata bina semula rumah di tapak baru.

"Empat keluarga yang bina rumah ini pun ambil masa bertahun untuk siapkan rumah di kawasan itu selepas kerajaan BN ber kebenaran untuk mereka mendiami tanah rizab kerajaan," katanya kepada *Sinar Harian*.

Bekas Adun Ijok itu berkata, MIC Selangor akan cuba membantu meringankan beban empat keluarga yang terjejas selepas rumah mereka

dirobohkan sejak petang kelmarin.

"Saya akan bertemu dengan penduduk untuk bincang keperluan mereka memandang ada lagi beberapa rumah dan kuil akan dirobohkan lagi dalam masa terdekat," katanya.



Pihak polis dan PBT cuba melerai kekecoh di Kampung Seri Aman.



Author: No author available • Section: Nasional • Page: 2 • Printed Size: 153.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 2,609.83
PR value: MYR 7,829.49 • Item ID: MY0026000714

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 1, BANDARAN SULTAN SALAHUDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40150 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL SHALIM.
No.Tel: 03-5541 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: setakohuong@gmail.com



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 1

Calon: PKR sedia bincang dengan Pas

PETALING JAYA - PKR bersedia berbincang dengan Pas untuk menentukan calon Pilihan Raya Kecil (PRK) Parlimen Sungai Besar dan Parlimen Kuala Kangsar tanpa mengetepikan parti komponen mereka dalam Pakatan Harapan.

Presiden PKR, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail berkata, PKR tidak mempunyai sebarang masalah andai Pas mahu berunding dengan parti itu sahaja.

Namun katanya, PKR akan mengambil kira pertimbangan bersama dengan parti komponen Pakatan Harapan iaitu DAP dan Parti Amanah Negara (Amanah).



DR WAN AZIZAH

"Kita ambil senario sebelum ini di mana Parlimen Sungai Besar, BN menang menentang Pas dengan majoriti yang tipis. Ini fakta dalam

Pakatan Rakyat. Jadi mereka (Pas) sudah mengeluarkan kenyataan bahawa mereka akan bertanding.

"Kami juga ada pertimbangan kami sendiri dalam Pakatan Harapan dan kita akan bincang bagi memastikan rakyat memperoleh kebaikan," katanya di sini, semalam.

Wan Azizah berkata, perbincangan akan terus dilakukan bersama Pas terutamanya membabitkan PRK Sungai Besar.

"Seperti saya katakan, Kerajaan Selangor ada Pas, PKR, DAP dan Amanah. Perbincangan dengan Pas sedang dan sudah bermula malah ada cakap-cakap (perbincangan)

biasa yang tidak formal," katanya.

Ditanya adakah Pakatan Harapan membincangkan calon untuk dua PRK tersebut dalam Mesyuarat Presiden Pakatan Harapan semalam, Wan Azizah berkata, ia tidak termasuk dalam perbincangan.

Dalam pada itu, katanya, PRK Sungai Besar dan Kuala Kangsar merupakan satu cabaran besar kerana akan berdepan dengan jentera yang kuat daripada BN.

Pada PRU lalu, calon Pas tewas kepada calon BN dengan majoriti 399 undi di Sungai Besar. Pas juga tewas kepada BN di Kuala Kangsar dengan perbezaan undian 1,082.



12 May 2016
Sinar Harian, Malaysia

Author: No author available • Section: Nasional • Page: 4 • Printed Size: 92.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Black/white • Ad Value: MYR 905.85
PR value: MYR 2,717.55 • Item ID: MY0026000730

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJANAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 3, BANDARAN SULTAN SALAHUDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40150 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL SHALIM.
No.Tel: 03-5541 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektahselangor@gmail.com



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 1

Amanah beri bayangan letak calon PRK

SHAH ALAM - Pengurus Amanah Selangor, Ir Izham Hashim memberi bayangan akan meletakkan calon pada Pilihan Raya Kecil (PRK) Sungai Besar.

Menurutnya, sewajarnya Amanah bertanding di PRK Sungai Besar kerana parti itu mengantikan Pas dalam Pakatan Harapan.

"Amanah mempunyai ramai calon berkelayakan dan perkara ini akan dibincangkan dalam mesyuarat Amanah Nasional, 15 Mei ini.

"Keputusan muktamad dalam mesyuarat Majlis Presiden

Pakatan Harapan akan menjadi panduan kita," katanya.

Beliau berkata, Amanah akan menampilkkan calon yang mesra rakyat dan berupaya menuaikan tanggungjawab sebagai wakil rakyat dengan berkesan.

Sementara itu, Ketua Pemuda Amanah Selangor, Abbas Azmi berkata, pihaknya bersedia menggerakkan jentera khususnya di Parlimen Sungai Besar pada bila-bila masa.

Menurutnya, sebagai parti komponen Pakatan Harapan, adalah wajar Amanah diberikan laluan untuk bertanding

dalam PRK Sungai Besar.

"Kami juga menyokong penuh kenyataan Izham bahawa kerusi Parlimen Sungai Besar dan Kuala Kangsar adalah wajar diberikan kepada Amanah," katanya.

Menurutnya, Pakatan Harapan adalah kesinambungan daripada harapan rakyat Malaysia yang sebelum ini menyokong Pakatan Rakyat.

"Pas tidak bersama dalam komponen Pakatan Harapan kerana Pas mengambil pendekatan untuk bekerjasama dengan Ikatan sebagai blok ketiga," katanya.



12 May 2016
Sinar Harian, Malaysia

Author: Nur Farhana Abdul Manan • Section: Nasional • Page: 36
Printed Size: 782.00cm² • Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color
Ad Value: MYR 13,339.00 • PR value: MYR 40,017.00 • Item ID: MY0026000320

PEJATAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT,
TINGKAT 3, BANDARAN SULTAN SALAHUDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40150 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL SHALIM.
No.Tel: 03-5546 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektahs@ssg.org.my



sisentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 1



Musibah paling teruk!

Seramai 240 mangsa terjejas selepas kediaman ditenggelami air akibat hujan lebat semalam

■ NUR FARHANA ABDUL MANAN

SEMENYIH – “Tak sampai 20 minit hujan lebat Sabtu lalu, hampir kesemua barang perabot dan elektrik dalam rumah kami rosak ditenggelami air hingga ke paras pinggang,” kata penduduk Taman Semenyih Indah, S Nagandran, 48.

Kontraktor elektrik itu berkata, dia dan keluarga terpaksa membersihkan rumah dihadu buat kali kedua apabila hujan lebat awal pagi semalam, sekali lagi menyebabkan rumahnya ditenggelami air bercampur lumpur.



“Mula-mula saya ingat air naik sampai jalan raya saja tapi tiba-tiba air mencurah-curah masuk ke dalam rumah. Habis semua barang elektrik dan perabot rosak,”

- Nagandran



Johan ketika melihat takungan air yang menyebabkan limpahan ke rumah penduduk.

Difahamkan, keluarganya antara 240 mangsa banjir yang berpenduduk bercakap situasi sama sejak Mac 2014 narnun kejadian semalam adalah yang paling serius.

“Pada tahun 2014, JPS (Jabatan Pengairan dan Saliran) pernah selenggara sungai di sebelah rumah penduduk selepas dapat aduan.

“Tapi saya tak sangka kejadian banjir berulang lagi hingga menyebabkan keluarga saya kerugian hampir RM70,000.

“Mula-mula saya ingat air naik sampai jalan raya saja tapi tiba-tiba air mencurah-curah masuk ke dalam rumah. Habis semua barang elektrik dan perabot rosak,” katanya.

Kelam-kabut pindah barang
Jurutera, Muhamad Farhan Abdullah, 33, berkata, dia kerugian kira-kira RM5,000 selepas rumahnya ditenggelami air sejak beberapa hari lalu.

“Saya minta supaya pihak berkewenangan betulkan parit tersumbat yang menyebabkan banjir ni...cukuplah kali ini sahaja...jangan biarkan ia berulang lagi,” katanya.

Guru tadika, Suhaiyah Ahmad Radzi, 32, berkata, hujan lebat antara jam 12 tengah malam hingga 1 pagi semalam, menyebabkan dia dilanda resah rumahnya ditenggelami air sekali lagi.

“Saya ada jenguk-jenguk juga keadaan di luar rumah malam tadi (semalam), masa tu nampak air dah naik atas jalan raya, tapi disebabkan penat akhirnya saya tertidur,” katanya.

Menurutnya, lenanya bagaimanapun tidak panjang apabila jiran mengetuk pintu rumah mengatakan air kembali melimpah masuk dari sungai berhampiran.

“Masa tu lebih kurang pukul 2 pagi, bila dapat tahu saja rumah dah naik air, kelam-kabut saya pindahkan barang dan pakaian ke dalam kereta pacuan empat roda (4WD) milik ayah. Sebelum itu dalam kejadian banjir Sabtu lalu memang semua perabot dah rosak,” katanya.

Seorang penduduk hanyut

Adun Semenyih, Datuk Johan Abd Aziz ketika meninjau keadaan rumah mangsa di Taman Semenyih Indah semalam berkata, selain perumahan itu terdapat 15 kawasan di



Keadaan dalam rumah penduduk selepas kawasan sekitar ditenggelami air akibat hujan lebat, semalam.

Dun Semenyih turut mengalami banjir lumpur.

Antara kawasan terlibat termasuk Taman Semenyih Permata, Jalan Sungai Lalang, Kampung Rinching Hulu, Kampung Sesapan Kelubi dan Rinching Tengah.

Lebih menyedihkan katanya, akibat ditenggelami air seorang penduduk dari Kampung Rinching Hulu dilaporkan hanyut dan lemas dibawa arus sungai beberapa hari lalu.

“Sistem saliran tidak sempurna dan pelan perancangan pembangunan yang tidak dipantau selepas kelulusan diberi dikenal pasti menjadi punca bencana tersebut berlaku.

“Saya harap kerajaan negeri tak lepas tangan mengenai isu ini, kejadian ni bukan baru dah banyak kali berlaku,” katanya jawatankuasa khas perlu ditubuh untuk tangani isu banjir di Semenyih.

Beliau turut berharap pihak berwajib mengadakan pemantauan selepas memberi kelulusan bagi pembangunan projek baharu.

“Kita boleh lihat takungan air

lumpur bila banjir, ni mesti ada projek perumahan baharu atau tanah yang dipotong dengan tidak sempurna. Bila dah bagi kelulusan tololang pantau supaya banjir tak berlaku di rumah penduduk,” katanya.

Johan berkata, pihaknya sedang membuat bincang jumlah keluarga yang terlibat dan menyeluruh dana untuk meringankan beban mangsa.

Parit tersumbat

Sementara itu, Ahli Majlis Perbandaran Kajang (MPK), Brian Lai Wai Chong berkata, dia menerima aduan lapan rumah ditenggelami air di Taman Semenyih Indah.

Katanya, banjir itu diperdayai berpunca daripada sistem perparitan yang tersumbat berdekatan kawasan industri Sungai Purun.

“Keadaan itu menyebabkan air ‘backflow’ dan melimpah masuk ke rumah penduduk,” katanya.

Menurutnya, pegawai MPK akan melakukan siasatan dan mencari punca sebenar berlakunya banjir di taman perumahan berkenaan.



Najis burung bersepaah di pasar

Peniaga, pelanggan tidak selesa berurus niaga

RASA - Persekutuan kawasan di Pasar Awam Rasa yang dipenuhi najis burung selain kemudahan disediakan usang menyebabkan ramai peniaga enggan menjalankan operasi di situ.

Penghulu Mukim Rasa, Airudin Saranor berkata, perkara itu berlarutan sejak 10 tahun lalu.

"Hanya ada tiga hingga lima peniaga saja yang sanggup bermula dalam pasar tu. Mungkin terpaksa sebab dah bayar cukai atau tapak perniagaan kepada pihak berkuasa tempatan (PBT).

"Selebihnya, ramai yang lebih selesa bermula di luar atau di tepi jalan besar saja sebab keadaan dalam pasar tu tak se-

lesa," katanya.

Menurutnya, pelanggan juga enggan masuk ke dalam pasar kerana terlalu banyak najis burung dan menjijikkan.

"Dalam pasar tu sepertinya boleh muatkan lebih kurang 40 tapak tapi yang tinggal kini hanya lima peniaga.

"Pasar itu perlu dinaik taraf... bukan saja najis burung banyak, malah sistem saliran dan lantai juga perlu ditambah baik untuk keselesaan peniaga dan pelanggan yang datang," katanya.

Beliau berkata, kerja pembersihan yang dibuat setiap hari tidak dapat membendung masalah najis burung berkenaan.

"Banyak sangat burung

yang bersarang dalam ni... kalau bersihkan pun tak lama mana, mesti banyak balik tahinya."

"Sebab tu ramai yang tak nak bermula dalam ni, bermula tepi jalan saja lebih selesa," katanya.

Airudin berkata, pihaknya ada menghantar surat kepada Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS) berhubung masalah berkenaan supaya bumbung pasar awam itu dinaik taraf.

"Saya dah hantar bulan lalu, tapi tak ada lagi respons yang saya dapat. Bumbung pasar ni tak ada siling, jadi senang burung buat sarang... tu yang tahi burung bersepaah.

"Kita harap sangat MDHS ambil berat masalah ni untuk

kesejahteraan peniaga dan pelanggan," katanya.

Sementara itu, peniaga sayur, Hussin Abdul Aziz, 40, berkata, dia enggan menjalankan perniagaan di dalam pasar berkenaan kerana persekitarannya terlalu kotor dengan tahi burung.

"Saya terpaksa buka gerai di tepi jalan berhampiran pasar untuk mudahkan pelanggan beli barang keperluan.

"Bukan saya saja, ramai lagi peniaga lain yang buat perkara sama sebab tak selesa nak bermula dalam pasar tu. Bukan kita saja, pembeli pun sama tak nak masuk pasar sebab banyak sangat tahi burung," katanya.



12 May 2016
Sinar Harian, Malaysia

Author: No author available • Section: Nasional • Page: 42 • Printed Size: 279.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 4,759.00
PR value: MYR 14,277.00 • Item ID: MY0026000721

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANDARAN SULTAN SALAHUDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40150 SHAH ALAM, SELANGOR.
No.Tel: 03-5541 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: setiahuangor@gmail.com



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 2 of 2





12 May 2016
Sinar Harian, Malaysia

Author: No author available • Section: Nasional • Page: 42 • Printed Size: 34.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Black/white • Ad Value: MYR 334.77
PR value: MYR 1,004.31 • Item ID: MY0026000722



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 1

Salur aduan secara mobile

HULU SELANGOR - Penduduk kawasan seliaan Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS) kini boleh membuat aduan menerusi perkhidmatan *mobile*.

Pengadu boleh membuat aduan terus melalui telefon pintar di lokasi masalah

antaranya yang melibatkan jalan, longkang, sampah, rumput dan landskap.

Pengguna hanya perlu memuat turun aplikasi tersebut di Play Store - MDHS Eye.

Pendaftaran cuma sekali dan boleh terus membuat aduan bergambar.

Headline	Majlis Raja-Raja ucapan takziah		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	12 May 2016	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	125,514
Page No	2	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	450 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 15,452
Frequency	Daily	PR Value	RM 46,356



Majlis Raja-Raja ucapan takziah

➔ Berharap semoga ahli keluarga mangsa nahas helikopter tabah

■ Kuala Lumpur

Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja merakamkan ucapan takziah kepada semua anggota keluarga mangsa nahas helikopter di Sebuyau, Sarawak, Khamis minggu lalu.

Ucapan itu dizahirkan dalam Mesyuarat Majlis Raja-Raja Ke-241 yang diadakan di Istana Negara di sini, semalam.

Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja, Datuk Seri Syed Daniel dalam satu kenyataan, berkata Duli Yang

Maha Mulia Raja-Raja turut bersedih dengan kejadian yang berlaku dan berdoa serta berharap semoga ahli keluarga mangsa tabah menghadapinya.

Mesyuarat sehari

Mesyuarat Majlis Raja-Raja sehari itu dipengerusikan Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Muhriz Tuanku Munawir dan dihadiri semua Raja Melayu kecuali Johor yang tidak diwakili.

Pada mesyuarat yang bermula jam 11.15, Raja-Raja Melayu diiringi

ngi Menteri Besar masing-masing kecuali Kelantan yang diwakili Timbalan Menteri Besar, Datuk Mohd Amar Nik Abdullah.

Yang di-Pertua Negeri Melaka, Pulau Pinang dan Sabah hadir pada mesyuarat itu dengan diiringi Ketua Menteri masing-masing, manakala Sarawak diwakili Speaker Dewan Undangan Negeri, Datuk Amar Mohamad Asfia Awang Nassar.

Dalam tragedi itu, helikopter jenis Eurocopter AS350 yang dinaiki lima penumpang serta juruterbang, terhempas di Sungai Batang

Lupar di Sebuyau.

Mereka yang terkorban dalam nahas itu ialah Timbalan Menteri Perusahaan Perlادangan dan Komoditi, Datuk Noriah Kasnon; suaminya, Asmuni Abdullah dan Ketua Setiausaha kementerian itu, Datuk Dr Sundaran Annamalai.

Yang turut terkorban, Ahli Parlimen Kuala Kangsar, Datuk Wan Mohammad Khairil Anuar Wan Ahmad; pengawal peribadi Noriah, Ahmad Sobri Harun dan juruterbang warga Filipina, Kapten Rudolf Rex Ragas.

BERNAMA

Headline	Majlis Raja-Raja ucap takziah		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	12 May 2016	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	125,514
Page No	2	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	450 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 15,452
Frequency	Daily	PR Value	RM 46,356



Tuanku Muhriz sebelum mempengerusikan Mesyuarat Majlis Raja-Raja Ke-241 di Istana Negara, semalam.

[FOTO BERNAMA]



3 protes terhadap kerajaan Selangor

➔ Penduduk tak puas hati, serah memorandum bantahan

Oleh Fahmy Azril Rosli,
Na'imah Mohamed
dan Norashikin Leman

bhnews@bh.com.my

■ Kuala Lumpur

su keengganan kerajaan negeri memberi pampasan kepada penduduk yang diarah berpindah di Kampung Sri Aman, Kuala Selangor dan bantahan pembinaan kolumbarium atau tempat letak abu mayat Taman Lipat Kajang, Klang adalah antara tiga isu dibangkitkan terhadap pentadbiran negeri, semalam.

Yang turut disuarakan mengapa kerajaan Selangor meluluskan pembinaan parkir Perpustakaan Raja Tun Uda di Shah Alam berjumlah RM50 juta, iaitu hampir sama dengan pembinaan perpus-takaan itu berjumlah RM60 juta.

Di Shah Alam, keengganan wakil kerajaan Selangor bertemu dengan wakil penduduk Kampung Sri Aman, membabitkan isu meroboh rumah menimbulkan kekecohan di lobi Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (SSAAS) di sini, semalam.

Lebih 100 penduduk yang pada mulanya datang untuk mengadakan perhimpunan aman, berang apabila mereka dihalang daripada menghantar memorandum terhadap tindakan kerajaan negeri yang cuba merobohkan 30 rumah di kampung berkenaan, kelmarin.

Keadaan kecoh

Keadaan yang pada mulanya terkawal bertukar kecoh apabila penduduk tidak berpuas hati selepas menunggu hampir dua jam bermula jam 2 petang untuk menyerahkan memorandum bantahan mereka kepada Pengerusi Ja-

watankuasa Tetap Kemiskinan, Kerajaan Prihatin dan Pekerja Langsung negeri, V Ganabatirau.

Malah, mereka juga dihalang untuk memasuki kawasan lobi bangunan SSAAS itu sehingga Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Mohd Amin Ahmad Ahyu terpaksa campur tangan bagi menenangkan keadaan, sebelum Ganabatirau turun untuk menerima memorandum berkenaan jam 3.55 petang.

Ketua Pemuda MIC Kebangsaan C Sivarraajh yang mengetui tunjuk perasaan itu, berkata kerajaan negeri tidak sepatusnya mengambil tindakan sedemikian tanpa membuat pertimbangan munasabah terhadap pemilik rumah, termasuk membabitkan isu pampasan.

“Walaupun tanah yang didiami penduduk kampung itu adalah milik kerajaan negeri, perlu ada toleransi dengan menyediakan tanah atau perumahan ganti yang sesuai kepada penduduk, bukan terus merobohnya sebegitu,” katanya, ketika ditemui di sini, semalam.

Sivarraajh berkata, walaupun kerajaan negeri menyatakan sudah menyediakan tanah baharu kepada penduduk, pihaknya mendapati tanah berkenaan tidak sesuai kerana terletak di tebing sungai serta sering dinaiiki air apabila hujan lebat.

Tidak sesuai

Di Klang, penduduk Taman Lipat Kajang, mengcam cadangan pembinaan Pusat Upacara Peringatan dan Kolumbarium atau tempat le-

tak abu mayat di kawasan berkenaan yang disifatkan tidak sesuai.

Ketua Bahagian MIC Bahagian Kota Raja, Datuk R S Maniam, berkata sekiranya cadangan berkenaan diteruskan, lebih 200 pen-

duduk di taman berkenaan akan berdepan dengan gangguan dan kesulitan dalam menjalani kehidupan harian.

Katanya, notis cadangan yang diletakkan di kawasan pembinaan tanpa pengetahuan penduduk juga dilihat seolah-olah cuba untuk mengelirukan penduduk setempat kerana tidak ada tarikh ia mula berkuatkuasa sedangkan penduduk perlu membuat bantahan dalam tempoh 21 hari.

“Kawasan ini sudah ada tapak acara keagamaan yang sememangnya dibina berhampiran dengan kawasan perumahan dan perniagaan penduduk setempat sehingga menyebabkan kesesakan,” katanya pada sidang media, semalam.

Di Kuala Lumpur, pengasas Solidariti Anak Muda Malaysia, Badrul Hisham Shaharin, meminta Kerajaan Selangor memberi penjelasan berhubung kos pembinaan parkir Perpustakaan Raja Tun Uda di Shah Alam berjumlah hampir RM50 juta.

Katanya, kos pembinaan parkir itu hampir sama dengan kos pembinaan perpustakaan berkenaan sebanyak RM60 juta.

Katanya, kos pembinaan parkir itu terlalu tinggi dan patut dihentikan oleh Menteri Besar dan dana berkenaan disalurkan kepada projek yang lebih menguntungkan rakyat.



12 May 2016
Berita Harian, Malaysia

Author: Fahmy Azril Rosli • Section: Nasional • Page: 5 • Printed Size: 647.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 22,217.00
PR value: MYR 66,651.00 • Item ID: MY0026000137



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 2 of 3


Walaupun tanah yang didiami penduduk kampung itu adalah milik kerajaan negeri, perlu ada toleransi dengan menyediakan tanah atau perumahan ganti yang sesuai kepada penduduk, bukan terus merobohkannya sebegini”
C Sivarraajh
Ketua Pemuda MIC Kebangsaan



12 May 2016
Berita Harian, Malaysia

Author: Fahmy Azril Rosli • Section: Nasional • Page: 5 • Printed Size: 647.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 22,217.00
PR value: MYR 66,651.00 • Item ID: MY0026000137

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT,
TINGKAT 4, BANDARAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40150 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL SHALIM.
No.Tel: 03-5541 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: setiahs@selangor.gov.my



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 3 of 3

Penduduk Selangor nyatakan tiga bantahan terhadap pentadbiran negeri

Info

→ **Isu pampasan** kepada penduduk Kampung Sri Aman, Kuala Selangor yang diarah berpindah

→ **Bantahan** pembinaan kolumbarium atau tempat letak abu mayat di Taman Lipat Kajang, Klang

→ **Pembinaan** parkir Perpustakaan Raja Tun Uda di Shah Alam berjumlah hampir RM50 juta.



Penduduk memegang poster bantahan sambil menyerbu masuk bagi menyerahkan memorandum berkaitan isu perobohan rumah Taman Seri Aman Ijok di Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, di Shah Alam, semalam.

Headline	Zainal in danger		
MediaTitle	New Straits Times		
Date	12 May 2016	Color	Full Color
Section	Sport	Circulation	74,711
Page No	38	Readership	240,000
Language	English	ArticleSize	283 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 9,718
Frequency	Daily	PR Value	RM 29,154



Zainal in danger

Selangor coach Zainal Abidin Hassan has a two-year contract with the team.

SELANGOR may be keeping quiet about the future of Zainal Abidin Hassan but the coach accepts his position is being increasingly called into question by the club's fans.

The pressure is mounting on Zainal following Selangor's exit from the AFC Cup. The 33-time Malaysia Cup champions needed only a point against Tampines Rovers in a Group E match on Tuesday to progress into the last 16 but the team lost 1-0 courtesy of Yasir Hanapi's superb strike in the 32nd minute at the National Stadium.

A small group of Selangor fans jeered the team, and the players and the coaching staff received further taunts as they headed into the tunnel after the final whistle.

Zainal's job could be on the line after failing to meet targets, first in the FA Cup and now the AFC Cup. The team are also six points adrift of pacesetters Felda United and Darul Ta'zim in the Super League.

As expected Zainal, who has a two-year contract with Selangor, uttered the same ex-

cuses, mainly touching on his team's inability to convert opportunities.

"We gave away one silly goal. We tried to find the equaliser but we could not score. We did not trouble Tampines when the game was even."

"It was only when we were down that we started to create chances. Once we missed the shots, we were in trouble. Overall, we had no luck," said Zainal after the match.

Many fans are unhappy with Zainal's long ball tactics and his foreign signings. Feeder team PKNS were forced to loan Patrick Wleh to Selangor but Zainal has no clue on how to use the striker effectively while the hard working Mauro Olivi has yet to gel with his teammates.

Indonesia's Andik Vermansyah has been poor on the flanks. The only foreigner doing quite well is centre-back Robert Cornthwaite.

Zainal's position maybe safe for the moment but some of the foreign signings could be out of jobs when the transfer window opens next month.

Headline	Rulers extend condolences		
MediaTitle	New Straits Times		
Date	12 May 2016	Color	Full Color
